

AL-QANATIR

INTERNATIONAL JOURNAL OF ISLAMIC STUDIES

Vol. 4 No. 1 (2016)

eISSN: 2289-9944

BAHASA MALAYSIA SECTION:

Keterlibatan Masyarakat Dalam Islamic State (IS) Dan Pencegahannya 1

Mohd Nasaruddin Hussein & Khairul Anuar Mohamad

Metodologi Fatwa Mazhab Imam Al-Shaficiyy: Kajian Terhadap Pendekatan Usul Mazhab Dalam Pengeluaran Hukum 13

Muhammad Najib Abdullah & Mohamad Sabri Zakaria

Prinsip Khiyār (Pilihan) Dalam Undang-Undang Berkaitan Jualan Barangan Menurut Islam 28

Hasri Harun, Shofian Ahmad & Ruzian Markom

ARABIC SECTION:

فكر الطبري في بعض أفعال الله الأزلية من خلال تفسيره "جامع البيان" 39

عبد الكريم توري، نورحسني إبراهيم، محمد يوسف إسماعيل، أحمد كامل محمد،
رابعة العداوية محمد & نورذوليلي محمد غزالي

**المُحَكَّم ودوره في التحكيم عند غياب القضاء الشرعي في الخصومات
الأسرية** 54

محمد سعيد المجاهد

AL-QANATIR INTERNATIONAL JOURNAL OF ISLAMIC STUDIES

Vol. 4 No. 1 ... 2016

© Copyright. Usuli Faqih Research Centre (UFRC)

No part of this ejournal may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior written consent of the publisher.

Publisher:



26, Jalan Warisan Indah 8/2,
Kota Warisan, 43900,
Selangor Darul Ehsan.

H/P: 019 - 644 0815

E-mel: usulifaqih@gmail.com **Web:** www.usulifaqihrc.com

eISSN:

2289-9944

Editorial Board

Chief Editor

Assoc. Prof. Dr. Irwan Mohd Subri
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia

Editors

Dr. Hamza Abd al-Karim
United Arab Emirates University (UAEU), UAE

Assoc. Prof. Dr. Arieff Salleh Rosman
Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia

Dr. Hasanah Abd Khafidz
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia

Assoc. Prof. Dr. Azman Ab Rahman
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia

Dr. Muhamad Faisal Ashaari
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia

Dr. Hishomudin Ahmad
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia

Dr. Nisar Mohamad Ahmad
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia

Advisory Board

Prof. Dr. Hassan Mohammad Almarzouqi
United Arab Emirates University (UAEU), UAE

Prof. Dr. Adel M. Abdulaziz Algeriani
Universiti Islam Malaysia (UIM), Malaysia

Prof. Dr. Muhammad al-Dush
United Arab Emirates University (UAEU), UAE

Prof. Dr. Tawfiq Muhammad Said Ramadan al-Butiyy
Damascus University, Syria

Assoc. Prof. Dr. Adnan Mohamed Yusoff
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia

About The Journal

Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies (e/ISSN: 2289-9944) is a refereed e-journal published by Usuli Faqih Research Centre. It is published three times a year, in April, August and December. The main objective of the publication is to create a platform to publish original articles, researches results, case studies and book reviews related to the field of Islamic studies.

The editorial board welcomes original contributions of the author (in Bahasa Melayu [Malay], English or Arabic) which never published or under consideration for publication in any other publication.

Contributions can be submitted in any of the following forms:

- (a) Articles (not exceeding 30 pages)
- (b) Book Review (not exceeding 10 pages)

Scope

- Shariah.
- Usuluddin.
- Al-Quran.
- Sunnah/Hadis.
- Dakwah.
- Arabic Language.
- Islamic Civilization.
- Islamic Thought.

Indexing

Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies has been indexed in Google Scholar, Directory of Research Journals Indexing (DRJI) and MyJurnal.

To submit article:

Please go to the website:

<http://al-qanatir.com/>

or email to: dirasatislamiyyah@gmail.com

Mailing Address

Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies
(Usuli Faqih Research Centre)
26, Jalan Warisan Indah 8/2,
Kota Warisan,
43900 Sepang,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Principal Contact

Assoc. Prof. Dr. Irwan Mohd Subri
Chief Editor
Email: dirasatislamiyyah@gmail.com

KETERLIBATAN MASYARAKAT DALAM ISLAMIC STATE (IS) DAN PENCEGAHANNYA

SOCIETY'S INVOLVEMENT IN ISLAMIC STATE (IS) AND IT'S PREVENTION

Mohd Nasaruddin Husseinⁱ & Khairul Anuar Mohamadⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pelajar Master Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

Abstrak

Tujuan kajian diskriptif ini adalah untuk mengetahui faktor-faktor yang menyebabkan salah faham tentang jihad sehingga terlibat dalam Islamic State (IS). Mereka mendakwa diri mereka berjihad pada jalan Allah. Aspek yang dibincangkan secara terperinci dalam kajian ini meliputi faktor dalaman serta luaran yang kuat mempengaruhi masyarakat. Selain itu mereka menyatakan bahawa jihad menggunakan senjata hanyalah satu satunya untuk memperjuangkan Islam. Antara faktor yang dilihat dominan ialah tiada ilmu atau kurang pengetahuan tentang ilmu jihad mengikut ajaran Quran dan Hadis. Selain itu, latar belakang pendidikan dan taraf sosio ekonomi sesebuah keluarga juga diambil kira. Pengaruh media sosial seperti facebook, jurnal, twitter dan instagram juga memainkan peranan penting mempengaruhi seseorang itu menyertai IS. Impak besar salah faham tentang jihad ini mengakibatkan ketidakstabilan berlaku dalam negara. Kes kes yang mutakhir ini melibatkan pengeboman berani mati, penculikan dan pembunuhan sesama Islam. Ia dibincangkan dalam kajian ini. Hasil kajian ini dapat membantu masyarakat dalam memahami pengertian sebenar perkataan jihad berdasarkan al-Quran dan Hadis, mengelakkan menyertai IS setelah mengetahui punca puncanya.

Kata kunci: IS, jihad, senjata, pengeboman, mati.

Abstract

The objective of this descriptive research is to find out the factors that contribute to the misconceptions of jihad which will eventually lead to the involvement in the Islamic State (IS). By doing so, they claimed they are practising jihad in the cause of Allah. The aspects that are discussed in detail in the research include both internal and external factors that have strong influence to the society. Besides, they also claimed that Jihad by the means of weapons is the only way to uphold Islam. Among the factor seen to be dominant is the non-existent or lack of knowledge about Jihad as stated in the Quran and Hadith. Furthermore, the background of education and socio-economic status of a family are also taken into account. The effects of social media like Facebook, journals, Twitter and Instagram play important roles in influencing a person to join IS. The great impact of misconceptions of Jihad can cause instability in a country. The recent cases include suicide bombings, kidnapping and the killing of among Muslims. These are all discussed in this research. The findings of this research could help the society to understand the meanings of true jihad based on the Holy-Quran and Hadith, and thus avoid themselves from joining IS after knowing its roots.

Keywords: IS, jihad, weapon, bombing, death.

PENDAHULUAN

Islam membawa keamanan dan rahmat untuk seluruh dunia. Inilah sebabnya diturunkan nabi nabi dan rasul rasul dengan membawa bukti bukti daripada Quran, kitab Taurat, Injil, dan Zabur serta suhuf suhuf semata mata membawa keselamatan dan keamanan kepada

manusia. Dengan sebab benarnya ajaran Islam ini telah menambat hati umat manusia untuk memeluk agama Islam.

Kebangkitan Islamic State (IS) pada masa kini telah mencacatkan dan memalukan agama yang suci ini. Agama Islam memberi penekanan khusus tentang keamanan, keharmonian hidup antara satu sama lain telah mula tercemar. Islam telah menjadi agama paling digeruni dan mengancam jiwa manusia bukan sahaja terhadap dunia sejagat tetapi kepada Malaysia terutamanya. Ancaman bukan sahaja terhadap sesama Islam tetapi juga kepada yang bukan Islam. Agama Allah ini dilihat sebagai agama peperangan, kekejaman, pembunuhan orang awam, tebusan dan bom berani mati.

Mengikut Dr. Chandra Muzaffar, Pensyarah Sains Politik Pengajian Islam, UIAM (Berita Harian, 2015) IS ialah proksi Israel menghancurkan Negara Islam. IS adalah jelmaan pengganas yang ditaja individu, kumpulan serta negara tertentu di Asia Barat dan negara Teluk yang menjadi proksi kuasa Barat bagi menjaga kepentingan mereka di rantau itu. IS tidak menjajah tetapi Israel yang menjajah, menindas dan membunuh penduduk Palestin. IS membunuh orang Islam Sunni atau Syiah di Iraq dan Syria.

Peristiwa pengeboman di Perancis pada 14 November 2015 yang mengorbankan 153 orang yang tidak berdosa didalangi oleh IS memburukkan lagi nama Islam di mata dunia. Kejadian ini telah menyebabkan terjadinya '*Islamic Phobia*' di Eropah dan Barat mula melabelkan Islam sebagai agama yang paling digeruni dalam dunia.

Ahmed Al Tayyeb, Imam Besar Al Azhar berkata, "Sudah sampai masa bagi dunia bersatu padu untuk memerangi keganasan. Perbuatan seperti ini bertentangan dengan prinsip semua agama, kemanusiaan dan ketamadunan" (Berita Harian, 2015).

Kes terbaru di Malaysia ialah pada 14 November 2015 apabila seorang pensyarah Universiti, Dr. Mahmud Ahmad telah melatih beratus ratus orang sebagai ahli baru IS di Asia Tenggara. Pensyarah ini membuat perancangan menjadikan Filipina dan Malaysia sebagai hab dalam serangan IS di rantau ini (Berita Harian, 2015).

Selain itu pada 6 April 2015, negara dikejutkan dengan penangkapan 19 orang yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 52 sedang menjalani latihan di Gunung Nuang, Hulu Langat Selangor. Ramai antara mereka ialah penduduk tempatan Hulu Langat yang sedang mempersiapkan diri untuk menyertai IS di Syria. Mereka sedang merancang untuk menyerang balai balai polis, kem tentera dan pelbagai kepentingan Negara di Putrajaya (Ahmad Sarbini, 2015). Mereka mengaku melakukannya atas nama Jihad.

Pada 6 Disember 2014, dua orang penjawat awam dan 10 pasangan suami isteri ditahan oleh polis sebelum berlepas ke Syria untuk menyertai IS (Zulfatri Hamzah, 2014). Sementara itu pada Februari 2015, seorang remaja perempuan berumur 14 tahun ditahan polis di KLIA untuk ke Syria menyertai IS melalui Turki.

Sehinggalah kajian ini ditulis, tiga keluarga dari Hulu Langat telah kehilangan dua orang anak lelaki dan seorang anak perempuan yang sedang belajar di Yaman menyertai IS di Syria. Mereka telah menghantar pesanan ringkas pada keluarga masing masing untuk bertemu di syurga apabila mereka syahid nanti dalam peperangan.

Justeru kajian ini akan menyingkap pelbagai faktor yang menyebabkan mereka ini terlibat dalam IS dan mencadangkan beberapa langkah sesuai bagi menangani isu tersebut sebelum ia terlambat.

JIHAD MENURUT AL-QURAN

Peperangan tidak dianggap syarie melainkan peperangan yang berbentuk *fi sabilillah* iaitu peperangan orang orang Mukmin yang disebut oleh Allah:

الَّذِينَ آمَنُوا يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ كَفَرُوا يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ الطَّاغُوتِ فَقَاتِلُوا أَوْلِيَاءَ الشَّيْطَانِ إِنَّ كَيْدَ الشَّيْطَانِ كَانَ ضَعِيفًا

Maksudnya, "Orang-orang yang beriman, berperang pada jalan Allah; dan orang-orang yang kafir pula berperang pada jalan taghut (Syaitan). Oleh sebab itu, perangilah kamu akan pengikut-pengikut Syaitan itu, kerana sesungguhnya tipu daya Syaitan itu adalah lemah" (al-Quran. Al-Nisa': 76).

Dalam tafsir Ibn Kathir, Ibnu Kathir (1994) mengulas bahawa orang Mukmin berperang kerana taat pada Allah mempertahankan orang-orang yang lemah dan menuntut reda Allah jika berlaku pencerobohan daripada kafir musyrikin dan orang-orang kafir berperang untuk mengekalkan taghut dan ingin memadamkan cahaya Islam.

Islam tidak pernah menyukai peperangan dan tidak menggunakan peperangan melainkan ketika darurat seperti mana penjelasan Allah:

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهٌ لَّكُمْ وَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَى أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya, "Kamu diwajibkan berperang (untuk menentang pencerobohan) sedang peperangan itu ialah perkara yang kamu benci; dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah Yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya" (al-Quran. Al-Baqarah: 216).

Syed Qutb (1994) dalam *Fi Zilal al-Qur'an*, mengulas dan mentafsirkan bahawa dalam ayat di atas bahawa Allah tidak menafikan fitrah manusia yang tidak suka pada peperangan. Allah menghargai perasaan semula jadi manusia iaitu takut untuk menghadapi peperangan. Syed Qutb memberi ulasan bahawa terdapat fardhu yang amat mudah dikerjakan oleh manusia seperti solat, puasa, sedeqah, haji tetapi ada fardhu yang amat sukar dikerjakan manusia seperti jihad. Fardhu yang pahit dan berat ini wajib dilakukan kerana mempunyai hikmah yang tersembunyi. Allah mengurniakan banyak hikmah tersembunyi terhadap benda yang sukar dilakukan oleh manusia iaitu Jihad. Sama ada jihad itu disukai atau tidak, Syed Qutb tetap menyatakan ia wajib dilakukan oleh setiap orang mukmin.

Kebanyakan lafaz jihad yang disebutkan dalam Quran bererti mencurahkan tenaga dalam menyebarkan dakwah Islam dan mempertahankan Islam. Berkata al-Raghib al-Asfahaniyy (1999) dalam *Mufradat al-Qur'an*, jihad bererti kemampuan dan bebanan. Beliau mentafsirkan Jihad iaitu:

- i. Jihad melawan musuh yang nyata.
- ii. Jihad melawan syaitan.
- iii. Jihad melawan nafsu.

Ketiga-tiga ini mengikut al-Raghib al-Asfahaniyy terdapat dalam ayat berikut:

انْفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا وَجَاهِدُوا بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ذَلِكَُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya, "Pergilah kamu beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah), sama ada dengan keadaan ringan (dan mudah bergerak) ataupun dengan keadaan berat (disebabkan berbagai-bagai tanggungjawab); dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa kamu pada

jalan Allah (untuk membela Islam). Yang demikian amatlah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui” (al-Quran. Al-Tawbah: 41).

Dalam tafsir al-Azhar, HAMKA (2013) menyatakan bahawa dalam ayat di atas, Allah menjadikan jihad sebagai medan terbaik untuk menguji iman seseorang itu. Sebahagian orang-orang munafik yang diketuai oleh Abdullah bin Ubay enggan ke medan perang Tabuk kerana cuaca panas dan buah-buahan pula masak ranum. Ini adalah untuk menguji siapakah antara orang-orang yang mengaku benar kasih dan cinta pada Allah atau hanyalah berpura-pura depan Nabi SAW. Jihad wajib dilakukan untuk membuktikan kecintaan pada nabi dan mempertahankan Islam daripada dicerobohi.

Mustafa al-Maraghiyy (1953), mentafsirkan ayat di atas dalam *Tafsir al-Maraghiyy*, jihad adalah kerja keras, bersungguh-sungguh, berjuang, berperang segala upaya harta, jiwa untuk menentang musuh yang ingin menceroboh ke dalam negara Islam. Ini termasuklah jihad harta, kekuatan mental, fizikal pada jalan Allah. Jihad dalam tafsir ini menghuraikan dalam definisi yang sangat luas seperti mendirikan solat, puasa dan haji serta pelbagai kefarduan yang lain. Jihad juga bererti bersungguh-sungguh menundukkan hawa nafsu.

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ آوَوْا وَنَصَرُوا أُولَئِكَ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ وَالَّذِينَ آمَنُوا وَلَمْ يُهَاجِرُوا مَا لَكُمْ مِنْ وَلَايَتِهِمْ مِنْ شَيْءٍ حَتَّى يُهَاجِرُوا وَإِنْ اسْتَنْصَرُوكُمْ فِي الدِّينِ فَعَلَيْكُمْ النَّصْرُ إِلَّا عَلَىٰ قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ مِيثَاقٌ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Maksudnya, “Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah, dan orang-orang (Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang-orang Islam yang berhijrah itu), mereka semuanya menjadi penyokong dan pembela antara satu dengan yang lain. dan orang-orang yang beriman yang belum berhijrah, maka kamu tidak bertanggungjawab sedikitpun untuk membela mereka sehingga mereka berhijrah. dan jika mereka meminta pertolongan kepada kamu dalam perkara (menentang musuh untuk membela) agama, maka wajiblah kamu menolongnya, kecuali terhadap kaum yang ada perjanjian setia antara kamu dengan mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha melihat akan apa yang kamu lakukan” (al-Quran. al-Anfal: 72).

وَجَاهِدُوا فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ هُوَ اجْتَبَاكُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ مَلَّةَ أَبِيكُمْ إِبْرَاهِيمَ هُوَ سَمَّاكُمُ الْمُسْلِمِينَ مِنْ قَبْلُ وَفِي هَذَا لِيَكُونَ الرَّسُولُ شَهِيدًا عَلَيْكُمْ وَتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَاعْتَصِمُوا بِاللَّهِ هُوَ مَوْلَاكُمْ فَنِعْمَ الْمَوْلَىٰ وَنِعْمَ النَّصِيرُ

Maksudnya, “Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya Dialah yang memilih kamu (untuk mengerjakan suruhan agamaNya); dan Dia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama, agama bapa kamu Ibrahim. Dia menamakan kamu "orang-orang Islam" semenjak dahulu dan dalam (al-Quran) ini, supaya Rasulullah (Muhammad) menjadi saksi yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu, dan supaya kamu pula layak menjadi orang-orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah). oleh itu, dirikanlah sembahyang, dan berilah zakat, serta berpegang teguhlah kamu kepada Allah! Dialah pelindung kamu. maka (Allah yang demikian sifatnya) Dialah sahaja sebaik-baik pelindung dan sebaik-baik pemberi pertolongan” (al-Quran. al-Hajj: 78).

Ibn Taymiyyah (1983) dalam kitab *Matalib Uli al-Nuha* berkata, "Arahan kewajiban berjihad ada yang berlaku dengan sepenuh hati, iaitu azam bagi berjihad dengan bersungguh sungguh. Jihad mengajak manusia untuk mendekati manusia kepada Islam. Jihad berbentuk mendirikan hujah, menegakkan kebenaran dan memusnahkan kebatilan. Jihad penerangan, menjelaskan kebenaran dan membuang syubhah".

Imam al-Jassas (1996) dalam kitabnya *Ahkam al-Qur'an* berkata ayat 216 Surah al-Baqarah menjelaskan bahawa wajib untuk berperang memerangi golongan musyrikin apabila mereka memerangi kita. Allah tidak memerintahkan kita untuk memerangi manusia keseluruhannya.

Ibn Qayyim (1992) berkata, "Secara tepatnya Jihad adalah fardu ain samada dengan hati, lisan, harta ataupun tangan. Menjadi kewajiban setiap orang Islam berjihad dengan satu daripada bahagian bahagian ini. Jihad dengan nyawa adalah fardu kifayah manakala jihad dengan harta ada dua pendapat. Ini kerana tuntutan jihad dengan nyawa dan harta samauntutannya sebagaimana firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن تَنصُرُوا اللَّهَ يَنصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ

Maksudnya, "Wahai orang-orang yang beriman, kalau kamu membela (agama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu" (al-Quran. Muhammad: 7).

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ تِجَارَةٍ تُنْجِيكُمْ مِنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ تُوْمِنُونَ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ ذَلِكَ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya, "Wahai orang-orang yang beriman! mahukah Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu daripada azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu, kamu beriman kepada Allah dan RasulNya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan agama Allah Dengan harta benda dan diri kamu. Yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya)" (al-Quran. al-Saff: 10-11).

Ibn Taymiyyah (1983) mengulas bahawa inilah asas asas jihad yang sebenarnya yang menjadi fardu terhadap semua orang orang mukmin. Iaitu beriman kepada Allah ialah kemuncak kepada jihad iaitu melawan nafsu taghut dan syirik terhadap Allah, daripada perhambaan manusia kepada manusia kepada perhambaan manusia kepada Allah. Jihad untuk mendapat keluasan balasan negeri akhirat daripada kesempitan dunia. Allah meletakkan jihad harta mendahului jihad jiwa kerana harta harta amat susah untuk dikorbankan di jalan Allah. Harta menunjukkan kemegahan dan kekuatan diri seseorang dan menjadi fitrah semula jadi manusia untuk menambahkan harta dan tidak mengurangnya.

Diri kamu dalam ayat di atas amat luas diertikan oleh Ibn Taymiyyah iaitu jihad dalam dakwah menegakkan Islam, jihad dalam mempelajari Islam, jihad dalam ekonomi serta kewangan Islam, jihad dalam pemerintahan Islam, jihad dalam memperkatakan yang haq dan menjelaskan yang batil.

وَقَاتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ لِلَّهِ فَإِنِ انْتَهَوْا فَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ

Maksudnya, "Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah, dan (sehingga) menjadilah agama itu semata-mata kerana Allah. kemudian jika mereka berhenti maka tidaklah ada permusuhan lagi melainkan terhadap orang-orang yang zalim" (al-Quran. al-Baqarah:193).

Jihad jiwa atau peperangan mengikut Ibn Taymiyyah hanyalah apabila negara Islam dicerobohi oleh musuh, maka ia adalah fardu ke atas setiap Muslim. Firman Allah:

انْفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا وَجَاهِدُوا بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya, “Pergilah kamu beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah), sama ada dengan keadaan ringan (dan mudah bergerak) ataupun dengan keadaan berat (disebabkan berbagai-bagai tanggungjawab); dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah (untuk membela Islam). Yang demikian amatlah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (al-Quran. al-Tawbah: 41).

إِلَّا الَّذِينَ يَصُلُونَ إِلَىٰ قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ مِيثَاقٌ أَوْ جَاءُوكُمْ حَصِرَتْ صُدُورُهُمْ أَن يُقَاتِلُوا قَوْمَهُمْ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَسَلَّطَهُمْ عَلَيْكُمْ فَلَقَاتِلُوا كُمْ فَإِنِ اعْتَزَلْتُمْ كُمْ فَلَمْ يُقَاتِلُوا كُمْ وَالْقَوَا إِلَيْكُمُ السَّلَامُ فَمَا جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ عَلَيْهِمْ سَبِيلًا

Maksudnya, “Kecuali orang-orang yang pergi (meminta perlindungan) kepada suatu kaum yang ada ikatan perjanjian setia antara kamu dengan mereka, atau orang-orang yang datang kepada kamu sedang hati mereka merasa berat hendak memerangi kamu atau memerangi kaumnya. dan jika Allah menghendaki, nescaya Dia menjadikan mereka berkuasa melawan kamu, kemudian tentulah mereka memerangi kamu. Dalam pada itu, jika mereka membiarkan kamu (dengan tidak mengancam atau mengganggu), serta mereka tidak memerangi kamu dan mereka menawarkan perdamaian kepada kamu, maka Allah tidak menjadikan bagi kamu sesuatu jalan (yang membolehkan kamu memerangi atau menawan) mereka (al-Quran. al-Nisa’: 90).

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ فَإِن تَوَلَّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ

Maksudnya, “Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul daripada golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad SAW), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman. Kemudian jika mereka berpaling ingkar, maka katakanlah (wahai Muhammad): "cukuplah bagiku Allah (yang menolong dan memelihara), tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; kepadaNya aku berserah diri, dan Dialah yang mempunyai Arasy yang besar” (al-Quran. at Tawbah: 128-129).

Imam al-Sha^hraniyy (1996) dalam *Hashiyah al-Daw’ al-Nahar* memberi ulasan pendapat imam Al-Jalal tentang ayat di atas bahawa jihad terhadap kafir harbi merupakan jihad fardu ain terhadap orang Islam apabila mereka mula mengancam umat Islam dan memaksa umat Islam memeluk agama mereka.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَافَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Maksudnya, “Wahai orang-orang yang beriman! masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata” (al-Quran. al-Baqarah: 208).

Yusuf al-Qaradawiyy (2013) mengulas ayat ini dengan memberi pengertian *Silmi* iaitu bermaksud keamanan dan berlawanan dengan perkataan *harb* iaitu peperangan. Ayat ini adalah seruan kepada semua umat Islam bersama sama mencapai keamanan dan tidak berpaling daripadanya. Selain daripada itu, perkataan *salam* itu sendiri iaitu “masuklah kamu ke dalam cabang cabang Islam secara menyeluruh samada dari segi aqidah, ibadat, muamalat akhlak dan undang undang-undang”. Ini bererti manusia masuk ke dalam keamanan yang hakiki iaitu keamanan diri, keluarga, masyarakat dan juga seluruh umat manusia.

Jadi Yusuf al-Qaradawiyy menyatakan bahawa makna di atas ialah keamanan, dan meninggalkan peperangan.

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ

Maksudnya, “Dialah Allah, yang tidak ada tuhan melainkan dia; Yang Menguasai (sekalian alam); Yang Maha Suci, Yang Maha Selamat Sejahtera (daripada segala kekurangan); Yang Maha Melimpahkan Keamanan; Yang Maha Pengawal serta Pengawas, Yang Maha Kuasa, Yang Maha Kuat (menundukkan segala-galanya), Yang Melengkapi Segala KebesaranNya. Maha suci Allah daripada segala yang mereka sekutukan dengannya” (al-Quran. al-Hashr: 23).

Jelas Yusuf al-Qaradawiyy (2013) lagi dalam Fiqh Jihad bahawa satu-satu umat yang diberi nama °Abd al-Salam ialah umat Islam dan syurga menanti bagi umat yang sentiasa menyebarkan *salam* atau keamanan ini pada seluruh manusia.

Allah menjauhkan golongan mukmin daripada peperangan dan kemusnahan jiwa, mengikut Yusuf al-Qaradawiyy.

وَرَدَّ اللَّهُ الَّذِينَ كَفَرُوا بِغَيْظِهِمْ لَمْ يَنَالُوا خَيْرًا وَكَفَى اللَّهُ الْمُؤْمِنِينَ الْقِتَالَ وَكَانَ اللَّهُ قَوِيًّا عَزِيزًا

Maksudnya, “Dan Allah telah menghalau kembali (angkatan tentera) orang-orang yang kafir itu (ke tempat masing-masing) dengan keadaan mereka geram marah (kerana gagal dan hampa), mereka tidak mendapat sebarang keuntungan. Dan Allah selamatkan orang-orang yang beriman daripada bencana menghadapi peperangan itu. Dan (ingatlah) adalah Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa” (al-Quran. al-Ahzab: 25).

Allah memberikan kenikmatan dan kurnia kepada Nabi Muhammad SAW dan orang mukmin. Sesungguhnya pertempuran itu berakhir tanpa ada pembunuhan dan pertumpahan darah. Ini kerana Allah menghindarkan golongan mukmin daripada peperangan. Ini nikmat agung yang mesti disyukuri oleh umat Islam.

Dalam perjanjian Hudaibiyah, Nabi Muhammad SAW dan para sahabat berikrar untuk berperang hingga ke titisan darah yang terakhir dan tidak menyerah walau dalam apa jua keadaan pun. Lalu Allah mahukan berlakunya rundingan antara orang orang mukmin dan musyrikin Mekah. Hal ini berakhir dengan satu perjanjian yang dinamakan perjanjian Hudaibiyah. Hal ini kerana turunnya ayat gencatan senjata yang dinamakan surah *al-Fath* (Yusuf al-Qaradawiyy, 2013).

إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُبِينًا

Maksudnya, “Sesungguhnya Kami telah membuka bagi perjuanganmu (wahai Muhammad) satu jalan kemenangan yang jelas nyata” (al-Quran. al-Fath: 1).

Melalui perjanjian ini, menurut Yusuf al-Qaradawiyy, pedang-pedang disimpan melalui gencatan senjata yang berlaku selama 10 tahun. Seorang sahabat bertanya kepada Rasulullah SAW, “Adakah ini suatu kemenangan, Ya Rasulullah?” Baginda menjawab “Ya, ini kemenangan yang nyata” (al-Nawawiyy, 1979).

Mereka membuka kota Makkah tanpa peperangan. Rasulullah begitu bahagia dan gembira dengan anugerah kemenangan dari Allah. Maka turun satu lagi ayat dalam surah yang sama cara umat Islam melayani musyrikin Mekah setelah menang menakluki kota Mekah.

وَهُوَ الَّذِي كَفَّ أَيْدِيَهُمْ عَنْكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ عَنْهُمْ بِبَطْنِ مَكَّةَ مِنْ بَعْدِ أَنْ أَظْفَرَكُمْ عَلَيْهِمْ وَكَانَ اللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرًا

Maksudnya, “*dan Dia lah Yang telah menahan tangan mereka (yang musyrik) daripada melakukan perkara yang buruk terhadap kamu, dan tangan kamu daripada berbuat demikian kepada mereka di kawasan Mekah, sesudah Dia menjadikan kamu dapat menewaskan mereka. Dan (ingatlah), Allah adalah Maha melihat akan segala yang kamu kerjakan*” (al-Quran. al-Fath: 24).

Jelas, bukan orang musyrikin sahaja mesti menahan diri daripada membinasakan orang mukmin, tetapi orang mukmin juga perlu menahan diri daripada membinasakan orang kafir musyrik. Inilah pelajaran hakiki yang menunjukkan agama Islam suka pada perdamaian bukan keganasan.

IS DI MALAYSIA

Menurut kenyataan yang dilaporkan dalam Seminar Pemurnian Aqidah pada tahun 2014 yang dianjurkan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan seramai 48 orang telah ditahan oleh pihak polis terlibat dalam IS. Menurut SAC Dato’ Ayob Khan Maidin Pitchay, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Counter Terrorisme Cawangan Khas Bukit Aman, sehingga kini 2014, seramai 22 orang rakyat Malaysia sudah berada di Syria sedang menyertai IS. Mereka kini dilaporkan sedang bersiap untuk ke Homs, di Syria memerangi tentera yang setia pada Basyar al-Assad (Zulhadi Mohd, 2014).

Kebanyakan mereka adalah pelajar pelajar universiti Timur Tengah seperti di Yaman, Iraq dan Syria yang terpengaruh dengan janji janji yang ditaburkan oleh pemimpin IS tentang Jihad. Menurut Ayob, kebanyakan yang terhlibat dalam IS mendapat pengetahuan tentang jihad melalui internet. Ada juga melalui program usrah dari rumah ke rumah. Pada September 2014, seorang rakyat Malaysia dari Hulu Langat, Ahmad Affendi Abdul Manaf terkorban apabila merempuh sekatan tentera dalam bom berani mati yang turut membunuh 50 orang tentera kerajaan Basyar.

Selepas itu pada tahun yang sama, seorang lagi rakyat Malaysia iaitu Mohd Fadhlullah dari Kedah juga terbunuh di Syria dalam perjuangan bersama IS apabila ditembak mati oleh tentera kerajaan (Ahmad Zulfatri Hamzah, 2014).

Pada 12 Sepetember 2014, empat sekeluarga dan 40 orang lain meneruskan kehidupan di Syria sebagai anggota IS. Penyertaan rakyat Malaysia dalam IS sehingga 2014, menurut Ayob, semakin meningkat iaitu daripada 40 orang mencecah kepada 53 orang, kebanyakannya adalah pelajar pelajar dan penjawat awam di Malaysia. Polis telah mengenal pasti terdapat 5 orang rakyat Malaysia yang telah menyertai IS masih dalam perjalanan transit ke Syria bagi menyertai IS iaitu kesemuanya bekas tahanan ISA. Mereka ialah Mohd Lotfi, Zainun, Mohd Rafiz dan Abdul Samad. Ksesemuanya berasal dari Kedah dan merupakan penjawat awam (Ahmad Zulfatri Hamzah, 2014).

FAKTOR FAKTOR YANG MENYEBABKAN SALAH FAHAM TENTANG JIHAD

Berikut adalah beberapa faktor yang menyebabkan salah faham tentang makna jihad, seterusnya menjerumuskan individu dengan IS:

- i. Pengaruh daripada kumpulan kumpulan yang radikal dan ekstrim dengan makna jihad yang hanya menjurus kepada jihad melalui kekerasan dan peperangan. Kumpulan ini percaya bahawa Islam perlu disebarikan melalui senjata dan paksaan. Kumpulan seperti Al-Qaeda, Taliban, Laskar Jihad, Jemaat Islam, Pergerakan Pembebasan Moro dan yang paling dominan sekarang ini ialah IS. Kumpulan ini menonjolkan beberapa ketua yang menunjukkan kehebatan serta keberanian dan kewibawaan seperti Osama bin Laden, Abu Bakar al-Baghdadi, Ahmad Shah Mas'oud serta Abu Bakar Bashir menarik minat masyarakat untuk menyertai kumpulan mereka. Tambahan pula kumpulan ini melakarkan banyak kejayaan bagi melumpuhkan sekutu sekutu kuffar dan kuasa kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Perancis, Russia dan England. Ini menyebabkan ramai umat Islam ingin menyertai Jihad.
- ii. Peranan Media Elektronik seperti Facebook, Twitter, Instagram, Whatsapp dan televisyen sangat sangat penting dalam mempengaruhi masyarakat menyertai IS. Propaganda dan doktrin doktrin serta salah tafsiran ayat ayat mengenai Jihad mudah disebarluaskan melalui media elektronik ini.
- iii. Kurangnya ilmu pengetahuan tentang jihad dalam kalangan masyarakat. Masyarakat sangat jahil tentang makna jihad sebenar. Bagi mereka jihad ialah peperangan yang membawa mereka terus ke syurga dengan mudah. Kurangnya topik topik jihad diajar di masjid masjid dan surau surau yang hanya banyak menumpukan kepada tajuk feqah yang lain seperti wuduk, solat, puasa, haji serta sifat-sifat wajib bagi Allah dalam kitab kitab kuning tradisional. Bukan itu sahaja, khutbah-khutbah Jumaat pun kurang difokuskan dalam bab jihad. Kedangkalan ilmu dalam bab ini menyebabkan umat Islam mudah terpengaruh ingin menyertai IS di Syria.
- iv. Latar belakang pendidikan sesetengah rakyat Malaysia mempengaruhi menyertai IS di Syria. Kebanyakan rakyat Malaysia yang menyertai IS mendapat pendidikan dari pelbagai universiti di Timur Tengah seperti Yaman, Mesir, Iraq dan Jordan. Mereka mempunyai pengalaman menyaksikan kebangkitan penduduk Arab menentang penguasa yang zalim yang dikenali sebagai "*Arab Spring*". Ini mendorong untuk mereka untuk bangkit menentang kezaliman dan mendirikan sistem khalifah Islam seperti dilauung laungkan oleh IS.
- v. Janji-janji daripada pihak IS amat menarik hati masyarakat Malaysia. IS menjanjikan kehebatan sebagai pejuang Islam dengan memberi peluang kepada ahli ahlinya untuk memegang dan menggunakan senjata api. Dengan menggalas senjata AK 47, memegang grenad serta pelancar roket merupakan pengealaman yang paling berharga dalam hidup. Latihan-latihan ala gerila hanya ada dalam IS, inilah yang diintai peluang oleh masyarakat awam di Malaysia yang ingin mencuba pengalaman baru. Lagi pun janji janji IS yang berunsur keagamaan paling menarik perhatian. Mereka dijanjikan syurga jika mereka mati dalam perjuangan menegakkan khalifah Islam. Inilah jalan paling singkat untuk memasuki syurga Allah.

LANGKAH LANGKAH MENANGANI ISU PENGLIBATAN MASYARAKAT DALAM IS

Berikut adalah beberapa cadangan untuk menangani penglibatan masyarakat dalam IS:

- i. Menjadikan masyarakat sebagai masyarakat yang berilmu. Ilmu pengetahuan tentang jihad amat penting kepada masyarakat bagi memberi gambaran sebenar jihad pada sebenar pada zaman Nabi, Khulafa' al-Rasyidin dan perluasan Islam

zaman sahabat. Masjid, surau mestilah menjadikan topik tentang jihad sebagai kuliah tetap mingguan. Seminar, bengkel dan kursus mengenai jihad mestilah dianjurkan oleh masjid sebagai pemantapan aqidah dan jiwa remaja. Penguasaan ilmu pengetahuan menjadi medan tarbiah yang paling berkesan bagi menangani IS.

- ii. Memberi fokus khusus dalam tajuk tajuk khtbah Jumaat. Pihak berkuasa agama negeri mestilah memainkan peranan penting dalam menyediakan teks teks khutbah mengenai jihad. Teks teks ini mestilah ditulis oleh pihak Jabatan Agama dan diperakui kesahihan dalam menterjemahkan makna Jihad mengikut Al Quran dan Hadis. Kesilapan dalam mengambil Hadis-Hadis yang tidak sahih akan mengakibatkan maksud sebenar jihad tidak akan tercapai
- iii. Peranan media elektronik dan media cetak dalam memberi pendidikan kepada masyarakat amat penting diperluaskan. JAKIM, RTM, ASTRO mestilah memberi slot rancangan khusus mengenai dakwah terutama dalam Fiqh Jihad. Begitu juga akhbar-akhbar harian mesti memberi ruang khas memberi peluang penceramah-penceramah berpengalaman untuk menulis tentang tajuk jihad. Pertandingan pertandingan menulis cerpen, melukis poster, debat tentang jihad mestilah selalu diadakan. Ini mungkin akan dapat menyedarkan masyarakat Malaysia tentang jihad yang sebenar benarnya.
- iv. Pengenalan akta-akta yang berkaitan dengan keganasan mestilah diperbanyakkan. Baru baru ini kerajaan memperkenalkan POTA (Akta Penganas 2015) yang membolehkan pihak berkuasa menahan mana mana individu yang disyaki terlibat dalam IS. Bidang bidang kuasa yang lebih mestilah juga diberikan kepada agensi-agensinya kerajaan yang lain seperti JPAM (Jabatan Pertahanan Awam), Imigresen, Kastam dan pihak tentera. ISA mestilah digunakan semula bagi menahan individu individu tanpa bicara yang sahih buktinya sebagai ahli IS.
- v. Silibus Pengajian Islam di peringkat sekolah menengah dan rendah haruslah di tambah dengan satu topik baru iaitu jihad. Ini bermakna, rakyat Malaysia didedahkan dengan pengertian jihad sejak di bangku sekolah lagi. Begitu juga di peringkat sekolah rendah, subjek agama Islam perlu dimasukkan dan diberi perhatian khusus dalam bab jihad.
- vi. Kerajaan mestilah membuat tapisan keselamatan yang ketat ke atas pelajar pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke universiti luar negara terutamanya di Timur Tengah. Dalam keadaan yang sama kedutaan Malaysia yang berada di luar negara mesti sentiasa memantau aktiviti pelajar dan keterlibatan mereka di luar negara. Kaunselor-kaunselor yang berpengalaman dihantar untuk memujuk semula pelajar Malaysia yang terhljabat dalam IS untuk kembali ke Malaysia.
- vii. Kerajaan mestilah sentiasa memantau akan beberapa kedutaan asing di negara ini yang agak mencurigakan dalam menyampaikan risalah mengenai jihad. Keadaan ini dapat dikesan apabila beberapa kedutaan asing menerima beberapa tetamu dari negara mereka yang cuba mempropagandakan tentang mendirikan khilafah Islam.
- viii. Kedutaan asing seperti Yaman, Sudan dan Iraq mestilah diberi perhatian khusus. Artikel artikel yang berbentuk jurnal, penulisan dari negara tersebut mestilah juga diberikan perhatian.
- ix. Agensi agensi kerajaan seperti Imigresen mestilah sentiasa waspada dalam menangani isu IS. Agensi ini bukan sahaja dapat membantu kerajaan mengesan rakyat Malaysia yang cuba menyusup keluar ke negara Syria untuk menyertai IS, bahkan dapat mengesan rakyat dari luar datang ke Malaysia bagi mempromosikan IS dan merekrut rakyat untuk sertai IS.
- x. Universiti-universiti serta badan badan akademik seperti Majlis Profesor Negara, Majlis Belia Negara, parti parti politik mestilah menggalakkan ahli ahlinya membuat penulisan ilmiah, kajian kajian dan merangka pelan pelan tindakan memberi cadangan kepada kerajaan berkenaan jihad. Universiti dan pihak kerajaan mestilah memberi geran penyelidikan kepada ahli yang layak bagi menggalakkan kajian dan penulisan mengenai jihad. Apabila telah siap, ia mestilah dibentangkan di peringkat

- nasional bagi memberi peluang orang awam lebih mengetahui tentang jihad. Penulisan ilmiah yang berkualiti boleh dijadikan sebagai panduan masjid-masjid untuk diajar tajuk jihad.
- xi. Menyekat kemasukan dana, bantuan ketenteraan dan modal kepada penganas IS yang ketika ini memperoleh dana menerusi dua sumber iaitu penderma individu tertentu dan daripada kerajaan dari negara tertentu.
 - xii. Negara-negara Asean perlu ada perbincangan secara khusus dan menyeluruh melibatkan strategi anti radikalisme dan anti keganasan. Membabitkan perkongsian maklumat dari risikan seluruh negara Asean.
 - xiii. Kerajaan harus cepat bertindak untuk membanteras ideologi IS ini dengan memantau dan pro aktif fahaman Salafisme ini atau Jihadi Salafi. Pihak yang bertanggung jawab secara khusus ialah JAKIM yang mesti berhujah dengan Jihadi Salafi ini. Pengisytiharan fatwa tentang pengharaman IS tidak cukup untuk menyekat ideologi IS ini. Ini untuk memastikan rakyat Malaysia faham kenapa IS diharamkan melalui keilmuan dan bersumberkan Quran serta Hadis.
 - xiv. Kawalan media sosial harus dilakukan. IS mendapat simpati dan sokongan golongan belia yang melayari media sosial. Malah IS juga mendapat sumber kewangan daripada warga media sosial yang bersimpati dengan golongan mereka. Pemantau harus dilakukan oleh pihak polis, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia serta agensi Cyber Security Malaysia untuk membendung penularan propaganda IS ini. Malah JAKIM boleh membentuk tentera siber untuk berdepan dengan idea dan hujah Jihadi Salafi ini.

KESIMPULAN

Secara umumnya ancaman IS ini mendesak Malaysia menanganinya secara bijaksana. Setakat ini, pihak keselamatan Malaysia dapat membendung ancaman IS kerana warga Malaysia yang terbabit kebanyakannya pelajar universiti, anggota veteran pejuang Salafi pernah terbabit dalam al-Qaeda dan Jamaah Islamiyah yang boleh dibentuk semula asas pemikiran mereka. Lagipun kebanyakannya mereka ini mempunyai latar belakang agama.

Sudah sampai masa Malaysia bertindak pro aktif dalam menangani permasalahan IS ini dengan lebih serius. Setiap lapisan masyarakat dan setiap agensi kerajaan mestilah berganding tenaga untuk menanganinya mengikut kadar kemampuan masing-masing. Kaedah kekerasan tidak dapat menangani masalah ini, melainkan melalui ilmu dan perang saraf sahaja lah yang dapat memujuk masyarakat yang menyertai IS kembali semula ke Malaysia. Kita mesti bertindak sekarang sebelum terlambat kerana IS akan mengganggu gugat kestabilan negara Malaysia. Kesungguhan kerajaan dalam memerangi IS mestilah secara menyeluruh dan berani. Tidak ada pilih kasih dan langkah kerajaan mestilah tidak bermusim dan bukan disebabkan oleh desakan dari mana-mana pihak.

Kerjasama yang erat dalam pertukaran maklumat dan risikan antara negara serantau Asean ditingkatkan. Ini bagi memastikan tiada aktiviti penyusupan masuk individu yang disyaki militan ke negara ini.

Kemampuan dari segi logistik serta kepakaran dalam IT mestilah sentiasa berada di paras intelektual dan profesional. Begitu juga dengan kepakaran unit-unit khas polis serta tentera sentiasa diberi kursus secara intensif. Dengan cara ini, moga-moga ancaman IS berbentuk fizikal dan spiritual akan dapat dibendung. Tidak ketinggalan, kerjasama ahli masyarakat juga mestilah diambil kira bagi menghentikan ancaman IS di Malaysia. Adalah diharapkan dengan segala langkah pro aktif oleh kerajaan serta kerjasama masyarakat untuk membendung kegiatan IS, Malaysia bukan lagi menjadi pengkalan atau hab bagi sebarang bentuk keganasan di rantau ini.

RUJUKAN

- Ahmad El Muhammadi. 2015. *Imej Pengganas Terancang Semakin Terserlah*. Berita Minggu. 29 November.
- Ahmad Sarbini. 2015. *19 Orang Ditangkap Sertai IS*. Berita Harian. 6 April.
- Ahmad Zulfatri Hamzah. 2014. Rakyat Malaysia Terkorban di Syria. Utusan Malaysia. 12 September.
- Ahmad Zulfatri Hamzah. 2014. Rakyat Malaysia Terlibat IS di Syria. Utusan Malaysia. 14 September.
- Ahmad Zulfatri Hamzah. 2014. Penjawat Awam Menyertai IS ditangkap. Berita Harian 3 Disember.
- Al-Asfahaniyy, al-Raghib. 1999. *Al-Muradat Fi Gharib al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Ma^orifah.
- Ayub Khan Maidin Pichay. 2014. *IS Kini Satu Ancaman*. Ketua Pengarah Counter Terrorisme Cawangan Khas Bukit Aman. Seminar Pemurnian Aqidah. Anjuran Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Chandra Muzaffar. 2015. *IS Proksi Israel Menghancurkan Islam*. Berita Minggu. 29 November.
- HAMKA. 2013. *Tafsir al-Azhar*. Cet. 4. Singapura: Pustaka Nasional.
- Ibn ^oAbidin. 1996. Hashiyah Ibn ^oAbidin. Jil. 3. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-^oArabiyy.
- Ibn Taymiyyah. 1983. *Matalib Uli al-Nuha*. Cet. 6. Dimashq: al-Maktab al-Islamiyy.
- Ibnu Kathir. 1994. *Tafsir Ibn Kathir*. Cet. 1. Kaherah: Mu'assasat Dar al-Hilal.
- Ibn Qayyim. 1992. *Zad al-Ma^oad Fi Hady Khayr al-^oIbad*. Cet. 3. Kaherah: Maktabat al-Risalah.
- Al-Jassas. 1434H. *Ahkam al-Qur'an* Jil. 3. Kaherah: Dar al-Ma^orifah.
- Al-Maraghiyy, Mustafa. 1953. *Tafsir al-Maraghiyy*. Cet 1. Kaherah: t.pt.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. 2015. *Malaysia Perlu Tangani Ancaman IS Secara Bijaksana*. Berita Harian. 24 November.
- Mustafa ^oAliyy Suyutiyy. 2010. *Matalib al-Nuha Fi Sharh al-Muntaha*. Cet. 1. Kaherah: Dar al-Thiba^oat al-Misriyyah.
- Al-Nawawiyy, Yahya bin Sharaf. 1979. *Riyad al-Salihin*. T.tp: al-Maktab al-Islamiyy.
- Yusuf Qaradawi. 2013. *Fiqh Jihad*. Cet. 1. Kuala Lumpur: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Sayyid Qutb. 1994. *Tafsir Fi Zilal a-Qur'an*. Cet. 1. Kuala Lumpur Pustaka Darul Iman.
- Al-Sha^oraniyy. 1996. *Al-Daw' al-Nahar*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-^oArabiyy.
- Al-Tabariyy. 2001. *Tafsir Al-Tabariyy*. Jil. 6. T.tp: t.pt.
- Zulhadi Mohd. 2014. *Serangan Ideologi IS di Nusantara*. Seminar Salah Faham Jihad. Berita Harian. 14 Mac.

METODOLOGI FATWA MAZHAB IMAM AL-SHAFI[©]IYY: KAJIAN TERHADAP PENDEKATAN USUL MAZHAB DALAM PENGELUARAN HUKUM¹

IMAM SHAFI[©]I'S METHODOLOGY IN ISSUING FATWA: A STUDY ON THE APPROACH AND GUIDELINES IN PRODUCING THE *HUKM*

Muhammad Najib Abdullahⁱ & Mohamad Sabri Zakariaⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). mnajib@gmail.com

ⁱⁱ (Ph.D). Pensyarah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). sabriz@ium.edu.my

Abstrak

Objektif artikel ini mengkaji ketokohan imam al-Shaff[©]iyy dan sumbangan serta metodologi beliau dalam bidang pengeluaran hukum dengan melihat gambaran umum fiqh imam al-Shaff[©]iyy, dan manhajnya dalam pengeluaran fatwa. Metodologi diskriptif telah digunapakai pada kajian teks yang melibatkan sumber kontemporari dan tradisi. Artikel ini menekuni disiplin asas pegangan al-imam dan garis panduan yang telah dibuat bagi tujuan pengeluaran hukum. Hasil kajian mendapati bahawa mazhab imam al-Shaff[©]iyy ini muncul di tengah-tengah padangan perbezaan aliran mazhab iaitu antara dua disiplin ilmu yang ulung ketika itu iaitu disiplin Hijaziyin dan [©]Iraqiyin. Imam al-Shaff[©]iyy telah mendalami kedua-dua disiplin ini dan mengambil pendekatan yang jelas dan pertengahan atas perjalanan antara dua disiplin tersebut.

Kata kunci: al-Shaff[©]iyy, usul mazhab, fatwa, garis panduan, Hijaziyin, [©]Iraqiyin.

Abstract

The objective of this article is to discuss the stature of imam al-Shaff[©]iyy and his methodological contributions in the field of fatwa and Islamic jurisprudence. It examines the general overview of al-Shaff[©]iyy in fiqh disciplines, and his methodology in the production of fatwa. With the approach of descriptive methodology in textual analysis that involves contemporary and traditional sources, this article examines the *dalil ijmaliiyy* (general rules and evidences) being used by al-Shaff[©]iyy and the guidelines that have been made for the purpose of issuing the *hukm* and fatwa. The finding of this research shows that al-Shaff[©]iyy's discipline emerged in the middle of great difference schools in Islamic Jurisprudence, Hijaziyin and [©]Iraqiyin and imam al-Shaff[©]iyy was steeped in both of this disciplines and adopt a clear and middle methodology in his school.

Keywords: al-Shaff[©]iyy, fiqh disciplines, guidelines, Hijaziyin, [©]Iraqiyin.

PENDAHULUAN

Mengkaji dan mempelajari tentang imam al-Shafi[©]iyy dan mazhabnya, membuatkan kita merasa amat kagum dengan ketokohnya dalam bidang keilmuan, dan peninggalan warisan fiqh yang sangat agung. Ini bukanlah bermakna bertujuan taasub dengan imam al-Shafi[©]iyy dan mendahulukannya daripada ulama-ulama lain sama ada Al-Hanafiyah, Al-Malikiyyah dan Al-Hanabilah. Ini kerana mereka semua adalah ulama-ulama besar yang mewarisi

¹ Kertas kerja asal ini dibentangkan pada Bengkel Penyelarasan Pengurusan Fatwa Jabatan Mufti Seluruh Malaysia, pada 28 Julai 2010, di Bayu Beach Resort. Port Dickson. Negeri Sembilan.

tanggungjawab kenabian, mereka semua adalah bersaudara kerana Allah dan dalam disiplin keilmuan Islam.

Kesemua mereka telah berjihad sekadar ilmu dan kefahaman yang diberikan oleh Allah kepada mereka, semoga Allah menerima segala usaha yang telah mereka curahkan. Terdapat banyak penulisan tentang imam al-Shafi'iy dan metodologinya dalam pengeluaran hukum, dan diharapkan penulisan yang amat kecil ini juga dapat menyumbangkan sedikit sebanyak kepada khazanah tersebut dengan melihat kepada isu tersebut dengan pendekatan yang tersendiri.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi yang digunakan bagi penulisan ini ialah berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan deskriptif bagi memperolehi data. Kaedah kepustakaan digunakan bagi merujuk kepada pelbagai sumber literatur sama ada yang berbentuk tradisional mahupun kontemporari. Kemudian data dianalisis dan direkodkan sebagai bahan kajian.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Maksud Metodologi Dan Fatwa

Fatwa daripada segi bahasanya ialah *ism masdar* yang bermaksud *ifta'* atau proses mengeluarkan hukum dengan kata jamaknya *al-fatawa* atau *al-fatawi*. Adapun fatwa dalam istilah hukum syarak ialah:

تبيين الحكم الشرعي عن دليل لمن سأل عنه

Maksudnya, "Memberi penerangan tentang hukum syarak berdasarkan kepada dalil kepada orang yang bertanya tentangnya" (*al-Mawsu'at Al-Fiqhiyyah*). Atau kata lain, memberikan fatwa itu ialah menerangkan hukum Allah Taala dengan berdasarkan kepada dalil-dalil syarak secara umum dan menyeluruh.

Kedudukan institusi fatwa ialah kedudukan yang mulia di sisi Islam. Imam al-Nawawiy (1344H) mengatakan bahawa:

اعلم أن الإفتاء عظيم الخطر، كبير الموقع، كثير الفضل لأن المفتي وارث الأنبياء صلوات الله وسلامه عليهم وقائم بفرض الكفاية ولكنه معرض للخطأ

Maksudnya, "Ketahuilah bahawa urusan fatwa itu merupakan perkara yang sangat besar dan berbahaya, kedudukannya amatlah agung, sangat banyak kelebihan kerana mufti adalah waris para nabi, selawat dan sejahtera ke atas mereka, memberikan fatwa adalah melaksanakan fardu kifayah namun ia amat terdedah kepada kesilapan".

Gambaran Umum Kepada Fiqh Imam al-Shafi'iy

Apa yang jelas dan menarik bagi mazhab imam al-Shafi'iy ini, ia muncul di tengah-tengah padangan perbezaan aliran mazhab, lebih jelas lagi, mazhab al-Shafi'iy ini muncul antara dua madrasah ilmu yang ulung ketika itu iaitu madrasah *Hijaziyin* dan *Iraqiyin*. Imam al-Shafi'iy telah mendalami kedua-dua disiplin ini dan mengambil pendekatan yang jelas dan pertengahan, tetapi masih berada di atas perjalanan antara dua disiplin tersebut. Imam al-Shafi'iy telah meletakkan panduan dalam ilmu hadis, sehingga aliran hadis merasa selesa

dengan pendekatan tersebut, kerana imam al-Shafi'iy meluaskan penggunaan hadis dalam penghujahan dan pendalilan hukum, lebih daripada yang dilakukan oleh gurunya imam Malik dan imam Abu Hanifah. Beliau meletakkan syarat yang ketat dalam penggunaan akal dan *qiyas*, oleh kerana itu kita dapat melihat antara penyokong imam al-Shafi'iy ialah Ahmad bin Hanbal, al-Nawawiyy dan Ishaq bin Rahawayh yang juga merupakan ulama yang tersohor dalam bidang hadis.

Imam al-Shafi'iy ialah seorang *muhaddith* yang banyak berhujahkan kepada hadis-hadis dalam pendalilannya terhadap hukum. Al-Shafi'iy juga seorang yang sangat banyak menggunakan kaedah Al-Qiyas terhadap penentuan hukum. Contohnya, imam al-Shafi'iy pernah melaksanakan kaedah *qiyas jaliyy* tentang masalah penentuan *taharah* terhadap bekas anjing dengan bekas khinzir dengan katanya:

وقلنا في الكلب بما أمر به رسول الله صلى الله عليه وسلم، وكان الخنزير إن لم يكن في شر من حاله لم يكن في خير منها، فقلنا به قياسا عليه

Maksudnya, “Kami mengatakan tentang (hukum) anjing sebagaimana yang diperintahkan kepada kami oleh Rasulullah SAW, dan sesungguhnya khinzir itu walaupun tidaklah lebih teruk daripada keadaanya, tetapi tidak juga lebih baik daripadanya. Oleh itu kami mengqiyaskan khinzir itu kepadanya”.

Di sini dapat kita lihat, walaupun terdapat pendekatan yang dekat dengan *madrasah hadithiyyah*, namun imam al-Shafi'iy lebih dekat dengan pendekatan al-Hanafiyyah berbanding madrasah dan ilmuan hadis. Ini kerana imam al-Shafi'iy juga menerima aspek penggunaan *al-qiyas*, bahkan beliau meneguhkan aspek perlaksanaan *qiyas* dalam pengeluaran hukum dengan meletakkan garis panduan yang jelas sehinggakan beberapa orang fuqaha daripada madrasah Iraq telah mengikuti pandangan al-Shafi'iy daripada mazhab Imam Abu Hanifah (Al-Yusuf, 2000).

Sumbangan Imam al-Shafi'iy Dalam Usul Fiqh Kepada Perkembangan Bidang Pengeluaran Hukum

Pengetahuan tentang Usul al-Fiqh adalah merupakan asas yang paling penting dalam bidang pengeluaran fatwa dan pelaksanaan ijtihad. Tanpa penguasaan yang kukuh terhadap ilmu ini, ilmuan fiqh tidak akan mampu untuk meletakkan sesuatu dalil secara tepat kepada sesuatu masalah, dan dengan itu akan berlakulah kepincangan dalam natijah hukum yang diperolehi.

Semua ulama menerima bahawa kewujudan perselisihan pendapat di kalangan ulama yang dahulu dan terkini adalah perkara yang tidak dapat dielakkan. Ia berlaku sejak daripada awal zaman pensyariaan. Pada peringkat awal, perselisihan akibat ijtihad tidaklah menyebabkan permusuhan dan pergaduhan bahkan ia adalah jalan kepada kefahaman yang lebih mendalam terhadap sesuatu perkara, sehingga menyampaikan kepada kebenaran. Tetapi dengan peredaran zaman, ijtihad yang dilakukan tanpa disandarkan kepada garis panduan dan yang jelas, menyebabkan jurang khilaf yang berlaku di kalangan umat Islam menjadi semakin besar dan ia menyebabkan taksuf kepada mazhab dan menerima pandangan tanpa hujah yang kukuh. Ini mengundang kepada perpecahan di kalangan umat. Imam al-Shafi'iy menyedari hakikat ini dan antara usaha yang besar yang dilaksanakan oleh Imam al-Shafi'iy ialah meletakkan garis panduan dalam ijtihad yang dinamakan Usul al-Fiqh bagi mengawal jurang khilaf dikalangan umat Islam agar tidak menjadi terlalu besar tanpa kawalan (Muhammad Najib 2007, 3).

Sebelum lahirnya kitab “*al-Risalah*” yang dikarang oleh imam al-Shafi’iyy, sebagai asas kepada pembangunan ilmu Usul Fiqh, manhaj pengeluaran hukum telahpun dilaksanakan oleh para ilmuan ketika itu, namun ia dilaksanakan secara manhaj yang dikuasai secara individu dan bukanlah dalam bentuk yang tersusun dan seragam. Namun usaha yang amat baik telah dilaksanakan oleh imam al-Shafi’iyy dengan mengumpul usul-usul dalam mengeluarkan hukum dan meletakkannya dalam satu penulisan yang terancang, dan matlamatnya agar di sana ada panduan dan rujukan yang boleh diguna pakai oleh ilmuan fiqh dalam usaha mereka dalam pengeluaran hukum. Sehingga dikatakan bahawa setiap penulisan bidang Usul Fiqh yang dihasilkan selepas imam al-Shafi’iyy tidak dapat lari daripada merujuk kepada metodologi imam al-Shafi’iyy dalam meletakkan asas bagi ilmu ini (Al-Yusuf, 2000).

Imam Fakhr al-Din al-Raziyy mengatakan bahawa, “*Ulama-ulama sebelum imam al-Shafi’iyy selalu membincangkan masalah-masalah yang berkenaan perbahasan Usul al-Fiqh, mereka membuat perbahasan dalil di atas asas tersebut, tetapi mereka tidak mempunyai satupun panduan yang menyeluruh untuk dijadikan rujukan bagi memahami dalil-dalil syarak, dan mengetahui bagaimana membahas dan melaksanakan tarjih. Imam al-Shafi’iyy telah mengeluarkan Ilmu Usul, dan memberikan kepada manusia sejagat garis panduan yang menyeluruh yang boleh dijadikan panduan untuk mengetahui keadaan dalil-dalil syarak, oleh itu jelaslah bahawa imam al-Shafi’iyy adalah orang pertama yang meletakkan asas kepada penulisan ilmu usul fiqh*” (Muhammad Abu Zahrah, 1948).

Manhaj Imam al-Shafi’iyy Dalam Pengeluaran Fatwa

Manhaj Imam al-Shafi’iyy telah ditegakkan di atas asas yang kukuh, berwaspada, sistematik dan jelas. Dengan asas yang kukuh ini, ia memelihara hukum syarak daripada kesia-siaan dan penyelewengan golongan yang tidak beramanah dan tidak berkemampuan. Di samping itu manhaj yang dibina ini juga dapat menyelesaikan permasalahan yang berlaku merentasi perkembangan zaman dan kemajuan. Manhaj yang dikatakan kukuh, berwaspada, sistematik dan jelas ini dapat dilihat melalui dalil-dalil yang diambil oleh imam al-Shafi’iyy sebagai sumber hukum dalam mazhabnya, dan beberapa garis panduan yang dipakai sebagai asas kepada proses pengeluaran dan pemberitahuan hukum (Wan Zahidi, 2008). Dalil pegangan mazhab al-Shafi’iyy dan garis panduan dalam mazhab adalah seperti berikut:

Dalil Ijmaliyy Pegangan Imam al-Shafi’iyy Dalam Usul Mazhab

Imam al-Shafi’iyy telah menyebut dalam kitabnya *al-Umm* tentang dalil-dalil yang digunakan dalam mazhab bagi hukum-hukum Islam, katanya;

“Sumber ilmu/hukum ada beberapa tahap; pertama al-Quran dan al-Sunnah apabila sabit autoritinya, kedua ijmak pada perkara yang tidak terdapat nas al-Quran dan al-Sunnah, ketiga pendapat Sahabat Rasulullah yang disepakati, keempat pendapat para sahabat yang berbeza dalam sesuatu perkara dan kelima ialah qiyas mengikut tahap kekuatannya” (al-Shafi’iyy, 1993).

Pertama dan Kedua: Al-Quran dan Al-Sunnah

Imam al-Shafi’iyy meletakkan Quran dan Sunnah adalah pada martabat yang sama sebagai sumber utama kerana kedua-duanya adalah berasaskan maklumat wahyu, sebagaimana firman Allah:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ

Maksudnya, “Baginda tidak bercakap mengikut kemahirannya sendiri tetapi apa yang diucapkannya tidak lain melainkan wahyu yang diwahyukan oleh Allah kepadanya” (al-Quran. al-Najm: 3-4).

Sungguhpun tahap kekuatan antara keduanya berbeza, tetapi sunnah berperanan dalam menjelaskan ayat-ayat Al-Quran, ayat-ayat mutlaq ditaqyidkan oleh sunnah demikian juga ayat-ayat am dihaskan oleh al-Sunnah (Manna^c al-Qattan, 1993).

Al-Shafi’iyy menjelaskan dalam kitab *al-Risalah* bahawa al-Quran merupakan sumber utama yang umum. Perkataan-perkataan umum dalam al-Quran dapat dibahagikan kepada tiga bahagian:

- i. Perkataan am yang dimaksudkan pengertiannya umum, tidak ada sebarang pengkhususan pada maknanya. Contohnya firman Allah:

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا

Maksudnya, “Tidak ada sebarang binatang di muka bumi ini terkecuali melainkan Allah memberi rezeki kepadanya”. (al-Quran. Hud: 7).

- ii. Perkataan am pada zahirnya dapat difahami maksudnya yang umum dan juga dimasukkan makna khusus padanya. Contohnya firman Allah SWT:

وَالْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ وَالْوِلْدَانَ الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَخْرِجْنَا مِنْ هَذِهِ الْقَرْيَةِ الظَّالِمِ أَهْلُهَا

Maksudnya, “Orang-orang yang lemah daripada kalangan lelaki, perempuan dan kanak-kanak yang berkata, “Wahai Tuhan kami, keluarkanlah kami dari kampung yang penduduknya zalim ini” (al-Quran. al-Nisa’: 75).

Ini bererti bukan semua penduduk kampung itu zalim kemungkinan ada dikalangan mereka yang beriman tetapi kemungkinan bilangan mereka ramai dan kemungkinan juga sedikit.

- iii. Perkataan yang maksud zahirnya umum tetapi maksud sebenar yang dikehendaki khusus. Contohnya firman Allah SWT:

الَّذِينَ قَالَ لَهُمُ النَّاسُ إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَمَعُوا لَكُمْ فَاخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَانًا وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

Maksudnya, “Iaitu orang-orang yang (mentaati Allah dan Rasul) berkata kepada mereka sesungguhnya manusia telah mengumpulkan pasukan untuk menyerang kamu kerana itu takutlah kepada mereka, maka perkataan itu menambah keimanan mereka, lalu mereka berkata, cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Allah ialah sebaik-baik pelindung” (al-Quran. Ali °Imran: 173).

Orang yang dikumpul pada Rasulullah itu bukan semua manusia tetapi sebahagian manusia, manusia itu bermaksud boleh berlaku 3 orang, atau seluruh manusia atau bilangan antara 3 dengan keseluruhan manusia. Jadi yang berkata itu

empat orang dan yang menyeleweng dari berperangan Uhud itu satu kumpulan yang bukan ramai bilangannya.

Ayat al-Quran boleh ditakhsiskan oleh al-Quran sendiri dan juga boleh ditakhsiskan oleh al-Sunnah, kerana Allah mewajibkan mengikuti NabiNya dan mentaatinya mengikut kenyataan al-Quran. Sesiapa yang mengikuti nabiNya maka dia mentaati Allah dan QuranNya.

Wajibnya penerimaan sunnah Rasulullah adalah berdasarkan kepada asas Allah mewajibkan mentaati RasulNya dalam al-Quran dan mengambil hukumnya. Pada zaman imam al-Shafi'iy, muncul golongan yang menyerang sunnah (anti hadis) dan mempertikaikan kehujjahannya, ada yang menolak sama sekali sunnah sebagai sumber hukum, dan ada yang hanya menerima sunnah yang terdapat maknanya dalam al-Quran (Manna^c al-Qattan 1993). Imam al-Shafi'iy menolak sama sekali kedua-dua pandangan ini dan menganggapnya amat berbahaya kerana ia boleh menyebabkan kebanyakan hukum Islam tidak boleh diamalkan memandangkan kebanyakan hukum al-Quran datang dalam bentuk *ijmal* (umum) dan memerlukan kepada penjelasan sunnah. Beliau menolak pandangan golongan yang mengingkari hadis keseluruhan atau yang mengingkari hadis yang dikatakan lebih daripada ajaran al-Quran atau hadis ahad, beliau tampil dengan hujah-hujah yang kuat dan menyakinkan.

Di samping itu imam al-Shafi'iy juga menolak pandangan yang hanya menerima hadis *mutawatir* sahaja sebagai hujah. Menurut imam al-Shafi'iy, bilangan utusan-utusan yang dihantar oleh Rasulullah SAW untuk berdakwah dan menjelaskan hukum-hukum Islam pada satu-satu ketika tidak pun memenuhi syarat *mutawatir*, ini menunjukkan bahawa umat Islam telah ijmak menerima *khbar ahad* sebagai sumber kepada hukum Islam (Wan Zahidi, 2008).

Ketiga: Pendapat sahabat

Jika tidak terdapat perbezaan pada sesuatu perkara itu adalah sesuatu yang baik untuk diikuti, dan jika terdapat perbezaan di kalangan mereka hendaklah mengambil pendapat yang lebih hampir kepada al-Quran dan al-Sunnah. Pendapat ijmak sahabat mempunyai autoriti hukum tetapi jika ada perbezaan maka perkiraan untuk dijadikan autoriti ialah pendapat yang lebih hampir kepada al-Quran dan al-Sunnah.

Keempat: Ijmak Para Mujtahidin

Ijmak yang kedudukannya selepas al-Quran dan al-Sunnah, ialah *ijmak* dalam perkara-perkara *ijtihadiyah* di kalangan ulama, namun begitu, sekiranya *ijmak* tersebut ialah *ijmak* yang bersandarkan dalil-dalil yang *qaf'iy* seperti rukun-rukun Islam, ia adalah setaraf dengan kedudukan al-Quran dan al-Sunnah. *Ijmak* bagi pandangan imam al-Shafi'iy ialah *ijmak* ulama-ulama *mujtahid* dari seluruh negara pada sesuatu masa. Ini berbeza dengan gurunya imam Malik yang menerima *ijmak ahli madinah* sebagai hujah dan imam Abu Hanifah yang hanya berpandangan *ijmak* sahabat sebagai hujah.

Al-Shafi'iy mengiktiraf *ijmak* sebagai hujah hukum iaitu kesepakatan ulamak sesuatu masa dalam perkara-perkara tertentu. *Ijmak* para sahabat dikategorikan sebagai *ijmak* tertinggi kerana dengan *ijmak* itu menunjukkan mereka mendengar sendiri sesuatu daripada Rasulullah SAW sekalipun ia merupakan perkara *ijtihad* mereka. Oleh sebab beliau menerima *ijmak* ulama pada sesuatu masa maka *ijmak* yang diterima oleh Malik daripada kalangan ulama Madinah, al-Shafi'iy menolaknya. Autoriti penerimaan *ijmak* berdasarkan firman Allah SWT:

وَمَنْ يُشَاقِقِ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَىٰ وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهِ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصَلِّهِ جَهَنَّمَ وَسَاءَتْ مَصِيرًا

Maksudnya, “Sesiapa yang mempertikaikan Rasulullah sesudah jelas kepadanya petunjuk dan dia mengikut jalan selain daripada jalan orang-orang mukmin, kami palingkan mereka apa yang dikehendakinya dan kami membakarnya dalam neraka jahanam dan itu adalah seburuk-buruk tempat tinggal” (al-Quran. Al-Nisa’: 115).

Dalil lain ialah alasan daripada hadis Nabi yang menyuruh supaya sentiasa bersama jamaah (Manna^c Al-Qattan, 1993).

Kelima: Qiyas

Imam al-Shafi^ciyy menerima qiyas sebagai satu daripada sumber hukum. *Ijtihad* yang menggunakan qiyas mesti berasaskan dalil nas daripada al-Quran atau al-Sunnah, yang dapat diqiyaskan kepadanya. Beliau menolak *ijtihad* yang berdasarkan rasional akal semata-mata (al-*ijtihad* bi al-*ra’y*). Justeru beliau menolak pandangan Abu Hanifah yang menerima *istihsan* sebagai hujah hukum. Hal ini dijelaskan dalam bukunya *Kitab Ibtal al-Istihsan* (Manna’ Al-Qattan, 1993).

Dalil-dalil yang dinyatakan di atas, adalah dalil-dalil utama yang diambil oleh imam al-Shafi^ciyy sebagai sumber bagi penghujahan hukum. Namun begitu terdapat juga dalil-dalil lain yang juga merupakan usul kepada mazhab imam al-Shafi^ciyy selain daripada dalil-dalil yang dinyatakan di atas. Usul ini dinamakan sebagai usul-usul yang tidak disepakati (*terbitan*) dan inilah yang membezakan antara satu mazhab dengan mazhab yang lain.

Di sini dinyatakan beberapa perbezaan antara usul-usul sumber dalil bagi mazhab yang empat:

Usul Mazhab	Abu Hanifah	Malik	al-Shafi ^c iyy	Ahmad
1) Al-Quran	√	√	√	√
2) Al-Sunnah	√ Diketatkan kepada yang sahih dan masyhur sahaja	√ Sahih berdasarkan ilmu beliau	√ (mutawatir, sahih, ahad, masyhur) lebih diutamakan berbanding ra’yi. Daif tidak diterima dalam penetapan hukum	√ Mendahulukan hadis walaupun daif dalam hukum kerana lebih baik daripada akal
3) Ijmak	√ sahabat Nabi	√ Di sini adalah ijmak ahli Madinah	√ Ulama mujtahid dalam	√ Diterima sekiranya betul-betul wujud,

			sesuatu masa	sebab agak ketat ijmak dalam fahamannya
4) Qiyas	√ Diutamakan daripada hadis ahad dan masyhur	√	√	√ Hanya digunakan sekiranya sangat-sangat perlu
5) Al-Ihtisn	√		× Menolak ihtisn secara nyata	
6) Al-Istishab	√ Utk <i>daʿu</i> bukan <i>ithbat</i>		√ Untuk <i>daʿu</i> dan <i>ithbat</i>	√ Untuk <i>daʿu</i> dan <i>ithbat</i>
7) Aqwal Sahabah Al-		√	√ Mengikut sahabat Nabi yang utama hakikatnya mengikuti Nabi juga. Ia adalah sebelum qiyas.	√ Fatwa Sahabah didahulukan daripada ijmak
8) Sad Al-Zarai'		√	√	
9) Masalih Musalah		√		√
10) Urf	√	√	√	√
11) Shar^c Man Qablana	√			
12) ^cAmal Ahli Al-Madinah		√ Kalau ada hadis yang bertentangan dengan amalan ahli Madinah maka amalan ahli Madinah diutamakan. Ia sama darjat dengan hadis		

		atau lebih kerana diterima secara <i>tawatur f^liy</i>		
--	--	--	--	--

Pembahagian mazhab dalam penerimaan dalil kepada hukum.

Manhaj Umum Bagi Proses Pengeluaran Hukum Imam al-Shafi^liy

Membuat Pengklasifikasian Ilmu Syariah

Imam al-Shafi^liy telah membuat pengklasifikasian terhadap ilmu syariah bertujuan untuk mengelakkan terjadinya pembahagian hukum yang terkeluar daripada garis panduan yang hanya difahami oleh ahli dalam bidang hukum. Sekiranya yang bukan ahli dalam bidang hukum membahaskan hukum syarak, maka dikhuatiri akan melebarkan jurang perbezaan pendapat dalam masyarakat Islam, dan lebih dikhuatirkan ialah, hukum yang dihasilkan itu adalah jauh daripada kehendak Islam itu sendiri.

Imam al-Shafi^liy telah membahagikan ilmu berkaitan hukum syarak itu kepada dua bahagian (Abu Zahrah, 1948):

Pertama: Hukum-Hukum Umum/Asas

laitu ilmu yang mesti diketahui oleh semua orang Islam. Ini kerana secara *daruriyy* (pentingnya) ilmu ini difahami dalam beragama. Contohnya seperti hukum-hukum asas kefarduan solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadan, pengharaman zina, membunuh, mencuri dan sebagainya. Hukum-hukum ini terdapat secara jelas dalam al-Quran dan hadis-hadis yang *mutawatir* tanpa memerlukan pentafsiran yang mendalam untuk memahaminya.

Kedua: Hukum-hukum khusus

Hukum-hukum *furu^l* (cabangan) dalam Syariah yang tidak terdapat nas yang jelas dalam kitab ataupun nas-nas yang berhajatkan kepada pentafsiran yang mendalam, atau hadis-hadis yang mempunyai kontradaksi juga tidak dimiliki secara riwayat yang *mutawatir*. Dari sudut kewajipan mengetahui ilmu ini adalah tidak perlu diketahui oleh semua orang kecuali yang mahir dalam bidang ini sahaja. Hukumnya fardu kifayah yang diwajibkan kepada hanya golongan tertentu untuk memilikinya. Dan untuk perbahasan dan penentuannya juga adalah khusus kepada orang yang mempunyai kemahiran dalam bidang hukum, dan mereka ini wajib membahaskan di kalangan mereka dan mengeluarkan keputusan hukum kepada yang berkenaan.

Ilmu khusus inilah yang merupakah perbahasan para ilmuan fiqh, yang memerlukan kepada kepakaran istinbat dan ijtihad. Di sini lah akan terjadinya perbezaan pendapat, terdapatnya garis panduan dalam perbezaan pandangan dan kaedah pengeluaran keputusan hukum agar istinbat yang dikeluarkan itu tepat. Sekiranya proses ini dilaksanakan oleh orang-orang yang tidak memahami tentang ilmu perbahasan hukum, ia akan mendatangkan masalah dalam masyarakat, kepada keseluruhan proses pengeluaran hukum dan juga natijahnya.

Memperjelaskan Tentang Hakikat *Ittiba*^c Daripada *Istinbat*

Imam al-Shafi'iyy berpandangan bahawa hukum dari sudut *istinbat* terbahagi kepada dua bahagian iaitu *ittiba*^c iaitu mengikut dan juga *istinbat*, iaitu melaksanakan proses pengeluaran hukum. Yang dimaksudkan dengan *ittiba*^c iaitu, mengikut apa yang terkandung dalam al-Quran. Sekiranya tidak terdapat dalam Al-Quran, maka hadis akan dirujuk, kemudian, ijmak iaitu kesepakatan ulama salaf, sekiranya tidak, maka akan dilaksanakan proses qiyas dimulakan dengan al-Quran kemudian al-Sunnah kemudian terhadap ijmak. Sesuatu keputusan tidak boleh dibuat secara terus tanpa bersandarkan kepada qiyas. Sekiranya qiyas telahpun dilaksanakan tetapi terdapat perselisihan pendapat, maka hendaklah yang berkemampuan berijtihad melaksanakan ijtihad dan sekiranya tidak, hendaklah merujuk kepada ijtihad orang yang berkemampuan untuk melaksanakannya (Muhammad Abu Zahrah, 1948 & al-Shafi'iyy, 1993).

Di sini kita dapat melihat bagaimana penjelasan al-Shafi'iyy tentang kaedah yang sepatutnya diikuti oleh mujtahid dalam pengeluaran sesuatu hukum iaitu, kaedah yang telah dilaksanakan oleh ulama-ulama terdahulu (salaf), iaitu sekiranya sesuatu hukum yang jelas telah ada dalam al-Quran, maka akan terjatuhlah hujah-hujah yang lain, begitu juga berpegang teguh kepada Hadis yang pada pandangan imam al-Shafi'iyy pada martabat yang sama dengan al-Quran dari sudut pendalilan kerana hadis merupakan penerangan terhadap hukum al-Quran. Oleh itu imam al-Shafi'iyy telah menegaskan tentang keutamaan berpegang kepada Hadis daripada mazhabnya sendiri dengan kata-katanya yang masyhur:

إذا وجدتم في كتابي خلاف سنة رسول الله صلى الله عليه وسلم، فقولوا بها ودعوا ما قلته

Maksudnya, "Sekiranya kamu mendapati apa yang ada dalam penulisan aku yang menyalahi Sunnah Rasulullah SAW, maka terimalah dan tinggalkanlah pandanganku itu" (Al-Yusuf, 2000).

Qiyas dan ijmak yang tidak bersandarkan kepada al-Quran dan Hadis tidak dipakai oleh imam al-Shafi'iyy. Dengan prinsip ini, amat jelas sekali pendekatan imam al-Shafi'iyy yang lebih dekat dengan aliran *al-Hadith*. Oleh itu beliau digelar sebagai *ahl al-hadith* (ahli hadis) atau *nasir al-hadith* (penolong hadis) (Sirajuddin Abbas 2004).

Sekiranya kita meneliti sejarah imam al-Shafi'iyy semasa beliau di Baghdad, walaupun beliau masih berguru dengan Muhammad Hasan al-Shaybaniyy, namun imam al-Shafi'iyy sentiasa mendokong pendekatan imam Malik dan sentiasa berhujah dan mengkritik pendekatan ^caqliyy yang dilaksanakan oleh al-Hanafiyyah. Walaupun begitu, bukan bermakna beliau menolak penggunaan ^caqliyy (akal) dalam mengistinbatkan hukum dan memahami nas-nas syarak.

Berpegang kepada Nas yang Zahir dan Terang

Dalam mengistinbat hukum al-Shafi'iyy berpegang kepada pengertian nas yang difahami mengikut penggunaan bahasa Arab, jika tidak terdapat nas maka dia merujuk kepada ijmak, kemudian pendapat sahabat yang lebih dekat kepada nas al-Quran dan al-Sunnah, dan akhirnya qiyas. Ini menunjukkan bahawa al-Shafi'iyy dalam mengistinbat hukum-hukum *furu*^c (cabang) daripada sumber-sumbernya adalah berdasarkan pengertian nas yang zahir dan terang (El-Muhammady, 2007) justeru beliau menolak *istihsan*. Demikian juga pendapat beliau tentang hakim yang ingin menetapkan hukuman hendaklah berasaskan kepada bukti zahir bukannya mencari sesuatu yang tersirat pandangannya dalam tafsiran nas-nas secara zahir

itu meliputi bidang jenayah, muamalat dan penghakiman (Muhammad Abu Zahrah, 1948) dalam menggunakan qiyas juga mesti berpandukan nas.

Oleh kerana imam al-Shafi'iy berpegang teguh dengan sesuatu yang jelas dan zahir dalam memberikan hukum, maka imam al-Shafi'iy tidak menerima pakai penghujahan menggunakan *istihsan* dan *istislah* (masalah mursalah).

Al-Istihsan seperti yang ditakrifkan oleh Abu al-Hasan Al-Karkhiyy salah seorang ulama terkemuka mazhab Hanafiyy ialah:

أن يعدل الإنسان عن أن يحكم في مسألة بمثل ما حكم به في نظائرها إلى خلافه لوجه يقتضي هذا العدول
عن الأول

Maksudnya, "Meninggalkan beramal dengan satu-satu masalah dengan hukum yang sebanding dengannya, kerana terdapat hujah yang lebih kuat untuk tidak beramal dengannya" (Zaydan, 1993).

Secara kefahamannya ialah, *istihsan* mengenal pasti masalah-masalah yang terkeluar daripada hukum yang umum, atau terkecuali daripada mengambil hukum masalah yang sama dengannya, disebabkan terdapat sebab lain yang lebih kuat, atau berubah daripada qiyas yang kuat kepada *qiyas khafiyy* (tersembunyi) yang dianggap sebab penerimaannya lebih kuat daripada qiyas zahir.

Imam al-Shafi'iy tidak menerima *al-istihsan* ini atas alasan bahawa ia tidak jelas kaedah dan pegangannya, imam al-Shafi'iy telah menulis satu bab khas yang diberikan nama "*Kitab Ibtal al-Istihsan*" dan beliau menegaskan dengan katanya yang masyhur:

ليس للمجتهد أن يشرع، ومن استحسّن فقط شرع

Maksudnya, "Mujtahid tidak boleh mensyariatkan hukum, sesiapa yang menggunakan *istihsan* bermakna ia telah mensyariatkan hukum" (al-Amidiyy, 1998).

Ini kerana tugas mujtahid hanyalah boleh mengeluarkan hukum daripada dalil-dalilnya, dan dalil-dalil yang tidak jelas tidak boleh dijadikan sandaran kepada hukum.

Pengertian *al-Istislah* pula ialah:

الحكم بمقتضى المصلحة التي لا يشهد لها دليل خاص بالإلغاء أو الإثبات وتكون متفقة مع المقاصد الشرعية العامة

Maksudnya, "Mengeluarkan hukum berasaskan tuntutan-tuntutan masalah yang tidak ada dalil secara khusus menolak atau menerima, namun ia adalah menepati kehendak dan matlamat am syariah".

Al-Istislah juga dikenali sebagai *masalah mursalah* yang disokong hujahnya oleh imam Malik dalam mazhabnya. Sekiranya diteliti, konsep *al-istislah* lebih kurang sama dengan *al-istihsan*, namun yang membezakannya ialah, *al-istihsan* lebih berbentuk *qiyasi* (kaedah analogi) dan hukum umum. Manakala *al-istislah* lebih berhubung dengan maqasid syariah yang umum iaitu menolak *mafsadah* (kerusakan) dan memelihara *maslahah* (kebaikan).

Imam al-Shafi'iyy menolak penggunaan *istislah* (makna *istihsan* yang dipakai oleh imam al-Shafi'iyy meliputi makna *al-masalih al-mursalah* yang digunakan oleh ulama usul), penolakkannya adalah kerana ketidakjelasan dalam pegangan berhujah menggunakan dalil *al-istislah*. Ini secara zahir prinsip yang diutarakan oleh imam al-Shafi'iyy. Namun sekiranya diteliti terhadap kata-kata imam al-Shafi'iyy ia menunjukkan bahawa beliau tidak menolak penggunaan maqasid umum sebagai dalil syarak dalam pengeluaran hukum.

Selain itu sebagai tambahan, dalam manhajnya, imam al-Shafi'iyy amat menegaskan pegangan yang kuat kepada perkara yang zahir daripada nas (dalil) syariah, dan hukum-hukumnya ialah sebagaimana zahir nas, bukannya kepada yang terselindung. Ini tidak bermakna imam al-Shafi'iyy menolak tafsir *nas*, *‘am* dan *khas*, *mutlaq* dan *muqayyad*, tetapi lebih kepada menolak tafsiran yang berasaskan kepada sangkaan (*zann*). Dan sepatutnya seorang mujtahid atau mufti, atau hakim melepasi tafsiran zahir dalam menghukum berdasarkan nas, sesiapa yang berhukum di atas sebab-sebab yang terselindung daripada tafsirannya terhadap nas dan dalil, maka terdapat kebarangkalian dia akan membuat kesalahan terhadap tafsiran yang dibina atas sangkaan (*zann*) tersebut (Muhammad Abu Zahrah, 1948).

Meletakkan Syarat dan Garis Panduan Untuk Mengeluarkan Fatwa

Al-Khatib al-Baghdadiyy dalam kitabnya *Al-Faqih wa Al-Mutafaqqih* telah meriwayatkan beberapa syarat dalam fatwa yang telah digariskan oleh imam al-Shafi'iyy. Imam al-Shafi'iyy dengan terang menyatakan bahawa sekiranya terdapat kekurangan terhadap syarat-syarat tersebut, maka seseorang itu tidak boleh mengeluarkan fatwa berkaitan hukum (El-Muhammadi, 107).

Syarat-syarat yang digariskan oleh imam al-Shafi'iyy ialah:

- i. Mendalami ilmu Al-Quran.
 - a. Mengetahui tentang *nasikh* dan *mansukh*.
 - b. Mengetahui tentang *muhkam* dan *mutasyabihat*.
 - c. *Ta'wil* (penafsiran) dan *tanzil* (sebab-sebab penurunan).
 - d. Dan apa-apa yang dikehendaki dengan ilmu al-Quran.
- ii. Mendalami ilmu berkaitan Hadis.
 - a. Mengetahui tentang *nasikh* dan *mansukh*.
 - b. Mengetahui tentang hakikat sahih dan daif sesuatu hadis.
 - c. Mengetahui daripada hadis apa yang diketahui daripada al-Quran.
- iii. Mendalami ilmu berkaitan *lughah* (bahasa).
 - a. Memahami tentang syair dan tatabahasa arab.
 - b. Menguasai aspek *lughah* yang membolehkannya memahami maksud daripada al-Quran dan Hadis.
- iv. Adil dan Saksama.
- v. Mengetahui tentang realiti semasa, masalah dan perselisihan pendapat yang ada.
- vi. Mempunyai persediaan diri untuk memikul tanggungjawab tersebut

- a. Seperti mempunyai kecerdikan dan ketajaman fikiran, kesabaran dan akhlak yang baik.

Berpegang Dengan Kaedah Teliti dan Berhati-Hati (*Sadd al-Dhara'ī*)

Imam al-Shafi'iy juga bersikap amat teliti dan berhati-hati dalam fatwanya, sikap ini memang telah menjadi keperibadian kepada diri imam al-Shafi'iy. Imam al-Shafi'iy sendiri menerangkan bahawa beliau belum pernah bersumpah seumur hidupnya, baik ketika membenarkan sesuatu ataupun mendustakan sesuatu. Pernah satu ketika ada orang bertanyakan sesuatu masalah kepada beliau. Ketika itu imam al-Shafi'iy mendiamkan diri sejenak tidak langsung menjawabnya. Ketika beliau disoal mengapa berbuat demikian, maka imam al-Shafi'iy menjelaskan, “*Aku menunggu terlebih dahulu, sehingga aku mengetahui, mana yang lebih baik aku diam ataupun menjawab pertanyaanmu*”. Ini menunjukkan bahawa imam al-Shafi'iy adalah orang yang sangat teliti dalam memberikan sesuatu fatwa, kepada seseorang yang bertanyakan sesuatu masalah semasa. Kerana mungkin yang bertanya tersebut ada kepentingannya sendiri dalam bertanyakan soalan, atau tidak sesuai untuk dijawab soalan tersebut pada sesuatu keadaan.

Jika kita meneliti, usul mazhab imam al-Shafi'iy dan fatwanya amat menitik beratkan hakikat *sadd al-dhara'ī* (menutup pintu kepada kemudharatan) walaupun beliau menolak *sadd al-dhara'ī* sebagai dalil yang berdiri dengan sendirinya. Contohnya, kita mengetahui bahawa imam al-Shafi'iy tidak menerima *al-istihsan* dan *al-istislah* sebagai penghujahan dalil, tetapi sekiranya kita meneliti dengan mendalam terhadap amalan mazhab, kita akan mendapati bahawa imam al-Shafi'iy tidak menolak *al-istihsan* dalam pengertian imam Abu Hanifah dan Malik (Wan Zahidi, 2008), bahkan beliau menerima jika terdapat sebarang pengecualian dalil jika terdapat dalil secara umum, imam al-Shafi'iy pernah berkata bahawa:

فليس تنزل بالإنسان نازلة إلا الكتاب يدل عليها نصاً أو جملة

Maksudnya, “*Tidak ada satu peristiwa yang berlaku kepada manusia melainkan terdapat hukumnya dalam al-Quran, sama ada melalui nas khusus ataupun umum.*”

Jadi penolakan imam al-Shafi'iy terhadap *al-istihsan* (hal yang sama berlaku kepada istislah) ialah dari segi kefahaman bahasa sahaja (*khilaf lafziyy*) bukanlah dari sudut makna dan pengertian kerana kedua-dua sumber dalil ini juga terbina di atas dalil (Zaydan, 1993). Imam al-Shafi'iy menolak sumber-sumber yang tidak bersandarkan kepada apa-apa dalil walaupun secara umum, kerana selaras dengan metodologi fatwanya dan berhati-hati dan *sadd al-dhara'ī* kerana bimbang akan disalahgunakan sewenang-wenangnya dalam penghujahan hukum.

Penerimaan Terhadap Perubahan Fatwa dan Perbezaan Pendapat

Dalam melaksanakan perbahasan hukum, imam al-Shafi'iy juga berhadapan dengan keadaan yang meminta supaya mengubah beberapa pandangan terhadap fatwanya sendiri. Ini dengan sendirinya menunjukkan sifat-sifat keterbukaan dan keilmuan yang terdapat dalam diri imam al-Shafi'iy sebagai seorang manusia yang pastinya terdapat kelemahan dan tidak sempurna.

Antara yang jelas yang menunjukkan keterbukaan dalam perubahan terhadap fatwa imam al-Shafi'iy, ialah dengan terjadinya *al-qawl al-qadim* dan *al-qawl al-jadid* dalam mazhab.

Berikut akan dijelaskan tentang hakikat *al-qawl al-qadim* dan *al-qawl al-jadid* dalam mazhab imam al-Shafi'iyy:

Al-Qawl al-qadim: ialah pandangan yang dikeluarkan oleh imam al-Shafi'iyy semasa keberadaannya di Iraq, sama ada yang berbentuk pekataan fatwa ataupun penulisan. Antara kitab-kitab bagi rujukan *al-qawl al-qadim* imam al-Shafi'iyy ialah: kitab *Al-Hujjah*, *al-°Amali*, *Majma° al-Kafiyy*, *°Ayn Al-Masa'il* dan *al-Bahr al-Muhit*. Ketika di Baghdad, terdapat ramai murid yang meriwayatkan daripada imam al-Shafi'iyy antaranya seperti Ahmad bin Hanbal, Al-Za°faraniyy, al-Karabisiyy dan Abu Thawr (al-Nawawiy t.th).

Al-Qawl al-jadid: ialah pandangan yang dikeluarkan oleh imam al-Shafi'iyy semasa keberadaannya di Mesir selepas tahun 199 Hijrah. Di Mesir beliau mempelajari beberapa dalil dan hadis-hadis yang tidak sampai kepadanya sebelum ini di Baghdad. Antara kitab-kitab yang muktamad bagi *al-qawl al-jadid* ialah seperti *al-Umm*, *al-Imla'*, *Mukhtasar al-Buwaytiyy*, dan *Mukhtasar al-Muzaniyy*.

Oleh kerana itu, *al-qawl al-jadid* adalah mazhabnya yang sebenar, dan itulah yang dipegang dan difatwakan oleh al-Shafi'iyyah. Manakala *al-qawl al-qadim*, walaupun masih lagi menjadi rujukan Al-Shafi'iyyah, tetapi hanya sedikit yang terpakai sebagai fatwa yang diamalkan (Al-Yusuf, 2000).

Aspek yang menyebabkan terjadinya perubahan dalam hukum yang dikeluarkan antaranya ialah perubahan persekitaran, zaman adat kehidupan masyarakat apabila imam al-Shafi'iyy sampai ke Mesir. Sebab yang lain pula ialah apabila bertambahnya pengetahuan terhadap beberapa hadis yang tidak sampai kepada pengetahuan imam al-Shafi'iyy sebelum ini. Oleh kerana metodologi imam al-Shafi'iyy yang amat menekankan penggunaan hadis yang sahih bagi tujuan pengeluaran hukum, dan tidak menyukai pembuktian dan perbahasan yang tidak berasas, maka berlakulah perubahan terhadap pandangan yang sebelumnya.

PENUTUP

Setelah meneliti jasa dan sumbangan imam al-Shafi'iyy dalam meletakkan metodologi yang kukuh dalam pelaksanaan fatwa, maka pengamal fatwa khususnya dalam mazhab al-Shafi'iyy hendaklah menjadikan metode ini sebagai panduan kepada penetapan hukum. Metodologi dalam syariat yang diwarisi daripada imam yang agung sepatutnya diwarisi bersama ruh syariah sebagaimana yang difahami oleh imam al-Shafi'iyy bukan sekadar kaedah-kaedah yang diberikan. Jika hanya kaedah yang dipegang dan mengabaikan aspek ruhi dalam syariah maka perbahasan hukum akan menjadi terlalu kering dan tidak bermaya.

Metodologi imam al-Shafi'iyy memperlihatkan bahawa sesuatu kerja dalam proses fatwa hendaklah dibuat secara berhati-hati, melihat secara halus kepada semua perbahasan ulama dalam setiap mazhab, memahaminya dan tidak bersegera dalam mengeluarkan hukum. Bengkel-bengkel membina kemahiran fatwa untuk melahirkan kepakaran dalam bidang fatwa bagi menyediakan manhaj yang terperinci sehingga sesuatu fatwa itu terbina di atas asas yang kukuh dan garis panduan yang jelas di atas manhaj imam al-Shafi'iyy ialah amat baik dan mudah-mudahan mendapat pertolongan daripada Allah SWT.

RUJUKAN

- Abu Zahrah, Muhammad. 1948. *al-Shaff'iyy, Hayatuhu Wa °Asruhu, Ara'uhu Wa Fiqhuhu*. Kaherah: Dar Al-Fikr al-°Arabiyy.
- Al-Amidiyy, °Aliyy bin Ahmad. 1998. *Al-Ihkam Fi Usul Al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Kutub al-°Arabiyy.

- El-Muhammady, Abdul Halim. 2007. *Manhaj al-Ijtihad Mengikut Imam Shafi'i*. Kertas kerja dibentangkan pada Muzakarah Infad. Tidak diterbitkan.
- El-Muhammadi, Uthman. T.th. *Manhaj Fatwa di Sisi Islam*. Manhaj Pengeluaran Fatwa Dalam Fiqh Islam. Nilai: Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) USIM.
- KH Sirajuddin Abbas. 2004. *Sejarah dan Keagungan Mazhab Al-Shafi'i*. Jakarta: Pustaka Tarbiyah.
- Manna^c al-Qattan. 1993. *Tarikh al-Tashrif al-Islamiyy*. Beirut: Mu'asasat al-Risalah.
- Muhammad Najib Abdullah. 2007. *Nahwa Taqlis Da'irat Al-Khilaf Al-Fiqhiyy Dirasah Fi Kitab Al-Muwafaqat Li Al-Imam Al-Shatibiyy*. (Master Thesis). Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Al-Nawawiyy. 1344H. *Al-Majmu' Sharh Al-Muhadhdhab*. Madinah: Maktabat al-Salafiiyyah.
- Al-Nawawiyy, Yahya bin Sharaf. T.th. *Muqaddimah Tahqiq Rawdat Al-Talibin*. T.tp: t.pt.
- al-Shafi'iy. 1969. *al-Risalah*. Kaherah: Matba'at Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy.
- Wan Zahidi Wan Teh. 2008. "Manhaj Fatwa Di Sisi Imam Al-Shafi'i". *Manhaj Pengeluaran Fatwa Dalam Fiqh Islam*. Nilai: Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) USIM.
- Al-Yusuf, Muhammad al-Tayyib bin Muhammad Yusuf. 2000. *Al-Madhdhab^c Inda Al-Shaff'iyah*. Taif: Maktabah Dar al-Bayan al-Hadithiyah.
- Zaydan, ^cAbd al-Karim. 1993. *Al-Wajiz Fi Usul Al-Fiqh*. Kaherah: Dar Al-Tawzi^c Wa Al-Nasr Al-Islamiyyah.
- Al-Mawsu'at Al-Fiqhiyyah*. Kuwait. <http://feqh.alislam.com>.

PRINSIP *KHIYĀR* (PILIHAN) DALAM UNDANG-UNDANG BERKAITAN JUALAN BARANGAN MENURUT ISLAM

THE PRINCIPLE OF *KHIYĀR* (OPTION) IN THE SALE OF GOODS FROM ISLAMIC PERSPECTIVE

Hasri Harunⁱ, Shofian Ahmadⁱⁱ & Ruzian Markomⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding Author). Calon Phd, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam UKM. has_elly@yahoo.co.uk

ⁱⁱ Prof Madya/Timbangan Dekan Hubungan Siswazah Fakulti Pengajian Islam UKM. shofian@ukm.edu.my

ⁱⁱⁱ Prof Madya/ Timbalan Dekan Fakulti Undang-Undang UKM. ruzian@ukm.edu.my

Abstrak

Khiyār atau pilihan adalah hak yang diberikan oleh hukum syarak terhadap pembeli dan penjual samada ingin meneruskan atau membatalkan kontrak yang dilaksanakan. Hak *khiyār* ini telah dijelaskan secara mendalam dalam kitab fiqh muamalah khususnya dalam jual beli. Namun demikian dalam undang-undang transaksi jual beli di Malaysia, tidak terdapat peruntukan khusus yang memberikan hak *khiyār* kepada pihak-pihak yang berkontrak. Hal ini boleh mengakibatkan kontrak jualan barangan tersebut menimbulkan masalah kepada kedua belah pihak dari aspek perundangan dan hukum syarak. Artikel ini bertujuan menganalisa persamaan dan perbezaan jenis *khiyār* yang utama dalam fiqh muamalah serta elemen berkaitan pilihan dalam Akta Jualan Barangan 1957 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999. Pendekatan perbandingan telah digunakan menurut prinsip *khiyār* dalam fiqh muamalah dan amalan pilihan dalam Akta Jualan Barangan 1957. Kajian mendapati bahawa terdapat penyelarasan dalam beberapa peruntukan berkaitan pilihan dalam undang-undang yang bersamaan dengan elemen *khiyār* °Ayb (pilihan kerosakan). Kajian ini penting sebagai panduan dalam pelaksanaan menyeluruh konsep *khiyār* dalam undang-undang jualan barangan sedia ada di Malaysia bagi memelihara hak dan kepentingan pihak pengguna dan penjual.

Kata kunci: *Khiyār*, Fiqh Muamalah, Kontrak, Jualan Barangan, Undang-undang pengguna.

Abstract

Khiyār or options are rights granted by Islamic law against the buyer and seller whether to continue or cancel the contract in place. *Khiyār* rights has been explained in detail in the books of fiqh transactions, particularly in the sale section. However, there is no specific provision entitling *khiyār* to the transacting parties in contract in Malaysia. As a result, there is a problem in the sale of goods transaction activity in the laws and fiqh muamalah. This article aims to analyze the similarities and the differences of the main types of *khiyār* according to the fiqh muamalah and evaluate elements of the Sale of Goods Act 1957 and the Consumer Protection Act 1999. Comparative approach is adopted in the analysis of the principle of *khiyār* in fiqh muamalah and practices in the selection of merchandise Sales Act 1957. The study found that there are consistency between the legal option in the laws with the elements of *khiyār* cayb (damage), however, the laws are silent on other types of *khiyār* in fiqh muamalah. This study is important in providing the comprehensive concept of law of *khiyār* sales of existing products in Malaysia to safeguard the rights and interests of the consumer as well as the seller.

Keywords: *Khiyār*. Fiqh muamalah, contracts, sale of goods , consumer law.

PENDAHULUAN

Transaksi perniagaan dalam undang-undang Islam adalah menitikberatkan persoalan antaranya kerelaan dan keredaan kedua belah pihak. Ini bermakna terma kepuashatian

adalah penting bagi memastikan transaksi menjadi sah dan sempurna menurut peruntukan hukum Islam dan undang-undang. Di Malaysia, terdapat beberapa akta yang mengawalselia aktiviti penjualan dan perdagangan antaranya ialah Akta Kontrak 1950, Akta Jualan Barangan (AJB) 1957 dan Akta Perlindungan Pengguna (APP) 1999. Undang-undang berhubung dengan penjualan barang adalah juga satu cabang daripada undang-undang perdagangan. Melihat dari sudut pengwujudan akta-akta di atas memperlihatkan bahawa Akta Perlindungan Pengguna 1999 diluluskan oleh parliamen selepas daripada Akta Kontrak 1950 di mana akta perlindungan pengguna tersebut lebih menjurus kepada memelihara hak-hak pengguna dalam transaksi jualan dan aktiviti perdagangan. Ini menunjukkan bahawa Akta pengguna ini sebagai melengkapkan daripada akta kontrak 1950 tersebut.

Akta Kontrak diwujudkan pada tahun 1974 manakala Akta Perlindungan Pengguna diwujudkan pada tahun 1999.¹ Akta Perlindungan Pengguna 1999 diwujudkan lebih kepada untuk menjaga hak pengguna daripada diperdayakan oleh penjual dalam urusan jual beli. Menurut bahagian 2 akta ini ia menyebut salah satu tajuk yang berbunyi: “*perlakuan mengelirukan dan memperdaya, representasi palsu dan amalan tak saksama*”, ini menunjukkan dengan jelas bahawa akta ini sememangnya ingin menjaga hak pengguna daripada diperdayakan oleh penjual dalam urusan jual beli.

Akta Perlindungan Pengguna diwujudkan untuk menjaga hak pengguna, tetapi dari sudut perlaksanaannya, menurut penulis ia tidak sepenuhnya terlaksana untuk menjaga hak pengguna. Ini disebabkan beberapa faktor termasuklah yang paling utama ialah masalah pengguna itu sendiri yang kurang bekerjasama dalam meningkatkan tahap perlindungan pengguna. Menurut Mohaji bin Selamat, dua perkara yang penting yang perlu dilakukan oleh rakyat Malaysia dan para pemerintah iaitu pertama semua pihak termasuk pengguna perlu bekerjasama dalam meningkatkan tahap perlindungan pengguna di negara ini dan kedua penekanan terhadap pelaksanaan undang-undang yang ada juga perlu dipertingkatkan supaya pengguna tidak teraniaya. Pengetahuan tentang hak pengguna yang baik serta perundangan yang kukuh menjadi faktor yang penting dalam mengelak sebarang ketidakpuashatian serta permasalahan yang akan berlaku dalam setiap transaksi jualan dan pembelian (http://www.malaysianbar.org.my/consumer_protection/urusan_jual_beli_pengguna_masih_tidak_terlindung.html).

